

BAB II

PERUSAHAAN PERIKANAN SEMASA ZAMAN PENTADBIRAN TRADISI (1800-1905)

2.1 Latar Belakang Brunei

Sebelum membincangkan lebih lanjut tentang perusahaan perikanan di Brunei semasa zaman pentadbiran tradisi, perlu dilihat dulu tentang latar belakang sejarahnya. Berdasarkan kepada beberapa bukti sejarah, Brunei adalah salah sebuah daripada negara tua di Alam Melayu yang memiliki warisan sejarah tersendiri. Ketuaan negara ini bersaing dengan Palembang Tua di Sumatera dan Taruma Negara di Jawa serta lain-lain Kerajaan tua Melayu Islam di rantau ini seperti Perlak, Melaka, Demak dan Acheh (Mohd Jamil, 2000: 1; Muhammad, 1995: 26).

Menurut sejarah awal negara ini tidaklah dikenali seperti namanya masa ini Brunei atau selepas kemerdekaan pada 1 Januari 1984 bertukar sebagai Negara Brunei Darussalam. Asal-usul nama Brunei itu berasal daripada perkataan Sanskrit ‘Bhumi’ yang bermaksud tanah (*land*) atau negeri (*country*) dan ‘Karpuradvita’ yang bermaksud tanah kapur (*champor land*) kerana Brunei pernah terkenal dengan sebuah negara yang mengeluarkan kapur barus yang terbaik di dunia (Muhammad, 1995: 26). Leyden seorang pegawai British menyatakan Brunei berasal dari perkataan Sanskrit ‘Varuni’ yang bermaksud kelahiran laut (*sea-born*) (Moor, 1837: 1; Sanib, 1994: 113) atau orang laut yang hidup menguasai laut serta memiliki sifat gagah berani (Muhammad, 1995: 26). Selain itu beliau juga menyatakan bahawa Borneo Proper (Brunei) adalah sebuah negeri maritim yang terletak di pulau Borneo:

“The Maritime states of Borneo are chiefly the following: 1st, Borneo proper, 2nd, Coti, 3rd, Passir, 4th, Banjar massing, 5th, Matan, 6th, Pontiana, 7th, Sambas.” (Leyden, 1837: 93).


Dalam sumber Jawa melalui syair *Negara-Kertagama* yang ditulis oleh Prapanca menyebutkan Brunei sebagai ‘Buruneng’ (Sabihah, Muhamad Hadi dan Sabullah, 1995: 2). Dikatakan Buruneng merupakan salah sebuah daripada wilayah jajahan Empayar Majapahit yang membayar ufti sebanyak 40 kati kapur barus (*champor*) kepada Empayar Majapahit setiap tahun (Nicholl, 1983: 43). Manakala dalam sumber-sumber Arab pula, Brunei dikenali sebagai ‘Zabaj’ atau ‘Randj’. Selain itu, pedagang-pedagang Arab juga menggelar Laut China Selatan yang mereka lintasi sebagai Laut Brunei (Mohd Jamil, 2000: 1). Selain itu, Brunei juga pernah dikenali sebagai ‘Kamrun’ bagi merujuk kepada hasil utama yang dibawa dari Brunei iaitu kapur barus (Sabullah, 1994: 2). Sementara itu, beberapa pengembara dan penulis barat pula mengenali Brunei dengan nama Brunnai, Brune, Borneo, Borney, Bornei, Borne, Brunei, Burni (*Brunei Annual Report*, 1953: 159), Bourni, Bounee, Barow, Berow, Barau dan Beraw (*Brunei*, 1978-1981: 1; *Brunei*, 1982: 1).

Berdasarkan sumber-sumber atau rekod-rekod China pula terdapat tiga buah kerajaan yang sering dirujuk sebagai Brunei. Pertama Brunei dikenali sebagai Po-li oleh orang-orang Cina pada zaman pemerintahan Dinasti Ling (TM 502-566) dan Dinasti Sui (TM 518-618). Kemudian pada zaman Dinasti Tang (TM 618-906) Brunei disebut dengan nama Po-lo. Seterusnya Brunei dikenali sebagai Po-ni (Puni) pada zaman pemerintahan Dinasti Sung (TM 960-1279) (Mohd Jamil, 2000: 1-4). Kerajaan-kerajaan ini dinyatakan telah mengirim ufti kepada Kerajaan China. Akan tetapi kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana menyimpulkan bahawa Po-li dan Po-lo sukar diterima sebagai Brunei awal. Kajian ini lebih cenderung menyatakan Po-li terletak di pantai barat Borneo, di sekitar Sambas, Indonesia sekarang dan merujuk Po-lo kepada berbagai-bagai tempat, termasuklah merujuk kepada pulau Sri Lanka (Ceylon). Namun demikian hampir semua sarjana sepakat menyatakan bahawa Po-ni (Puni) adalah

kerajaan Brunei Tua. Hanya pengkaji-pengkaji Brunei sahaja menyimpulkan bahawa Po-li dan Po-lo sebagai Brunei tua yang seterusnya bertukar menjadi Po-ni (Puni) (Sanib, 1994: 115-116) (lihat Rajah 2.1).


Brunei yang dikenali sebagai Puni hanyalah sebuah negara yang kecil. Kemudian ia telah berjaya memantapkan sistem politik, ekonomi dan sosialnya hingga berjaya membangun kekuatan tentera. Kekuatan tentera ini jelas tergambar pada abad ke-10 semasa raja berangkat yang diiringi oleh 100 buah kapal perang. Kekuatan tentera ini telah digunakan sebaiknya dalam mempertahankan kedaulatan negara dan juga untuk melaksanakan dasar penaklukan ke negeri-negeri yang berhampiran (Mohd Jamil, 1990: 171; Asbol, 2002: 6-7).

Dengan dasar dan kekuatan tentera ini, Brunei telah berjaya meluaskan pengaruh politiknya sehingga berjaya menjadi sebuah kerajaan maritim yang berpengaruh di Alam Melayu pada awal abad ke-16 iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Bolkiah (Sultan Brunei kelima) yang digelar sebagai “*The Golden Age of Brunei*”. Pada era ini Brunei merangkumi keseluruhan Pulau Borneo, Kesultanan Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Barau, Tuli-Tuli, Banjar, Bolongan, Kepulauan Sulu, Kepulauan Balabac, Banggi, Balambagan, Mantanani dan kawasan barat daya Palawan telah menjadi *vassal* kedaulatan Brunei (Hallet, 1940: 27; Asbol, 2002: 10). Malahan Brunei juga berjaya menguasai kawasan utara Kepulauan Filipina, Saludang (Luzon) pada era tersebut. Perkara ini jelas apabila Saludang perlu membayar ufti sebanyak satu gantang emas kepada Brunei setiap tahun (Ranjit, 1984: 18; Rawlins, 1965: 13; *Brunei Annual Report*, 1967: 317) (lihat Rajah 2.2).



Rajah 2.1: Kedudukan Po-li Pada Zaman Pemerintahan Dinasti Ling (TM 502-566)

Sumber: Mohd Jamil Al-Sufri, 1990: 8.



Rajah 2.2: Vassal Kedaulatan Brunei Abad Ke-16

Sumber: Barret, 1988: 7.

Dengan pengaruh dan keluasan tanah jajahan inilah Brunei meningkatkan aktiviti ekonominya melalui aktiviti perdagangan dan sistem pungutan cukai dari tanah-tanah jajahan. Malahan setelah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511, Brunei telah menjadi pusat perdagangan yang terkemuka di rantau ini apabila para pedagang telah mengalihkan pusat persinggahan mereka dari Melaka ke Brunei. Dalam usaha mendapatkan sumber pendapatan melalui aktiviti perdagangan dan pungutan cukai, Brunei telah melaksanakan dua sistem pentadbiran iaitu pentadbiran kerajaan pusat dan pentadbiran tanah jajahan (Asbol, 2002: 215). Dengan kewujudan dua sistem pentadbiran tersebut, Brunei telah berjaya mengeluar dan mendapatkan sumber-sumber pengeluaran dari tanah-tanah jajahannya. Dari tanah jajahan di sebelah pantai barat pusat pemerintahan, Brunei telah mengeluar dan mendapatkan sumber-sumber hutan, pertanian dan galian, manakala dari sebelah pantai timur pula, Brunei mengeluar dan mendapatkan sumber-sumber laut dan pertanian.

Ini menunjukkan bahawa dalam usaha mendapatkan sumber pengeluaran dari tanah jajahan, Brunei telah membuat satu pembahagian atau pengkhususan seperti yang dijelaskan di atas. Berdasarkan kepada pembahagian ini juga, menunjukkan bahawa aktiviti pengeluaran sumber perikanan pada zaman pentadbiran tradisi tertumpu di kawasan tanah-tanah jajahan sebelah pantai timur. Perbincangan mengenai sistem pentadbiran, sumber ekonomi dan perusahaan perikanan akan dibincangkan pada bahagian lain dalam bab ini.

Namun demikian, era keemasan ini tidak dapat dipertahankan, apabila kuasa-kuasa Barat mula menjalankan perluasan kuasa mereka di Asia Tenggara pada akhir abad ke-16 dan berlakunya beberapa peperangan saudara di Brunei. Secara perlahan-lahan wilayah taklukan Brunei mula membebaskan diri dari Brunei serta beberapa wilayah atau

kawasan telah diambil dan dipajakkan di bawah kekuasaan Barat. Bermula dengan kejatuhan Saludang ke tangan Sepanyol pada pertengahan abad ke-16, penyerahan bahagian timur Sabah kepada Kerajaan Sulu dan kejatuhan Sambas ke tangan Belanda pada abad ke-17 (Sabihah *et al*, 2002: 19). Dengan ini tanah jajahan Brunei pada abad ke-18 dan ke-19 hanya meliputi bahagian utara Pulau Borneo iaitu dari Tanjung Datu di Sarawak hingga ke Pandasan di Pantai Barat Sabah. Bermula pada pertengahan abad ke-19 tanah-tanah jajahan ini juga diserahkan atau dipajakkan kepada regim Brooke bagi jajahan-jajahan di kawasan Sarawak dan kepada BNBCC bagi jajahan-jajahan di kawasan pantai barat Sabah. Natijah daripada dasar yang dijalankan oleh kuasa barat ini Brunei telah secara rasminya menerima seorang Residen sebagai penasihat Sultan dalam pentadbiran Brunei kecuali agama Islam pada tahun 1906.

Dengan kejatuhan wilayah dan tanah jajahan ke tangan kuasa asing sekali gus telah menyebabkan Brunei kehilangan sumber ekonomi termasuk juga sumber perikanan yang terlalu bergantung dari tanah jajahan di kawasan pantai timur pusat pemerintahan. Keadaan ini telah menyebabkan Brunei hanya bergantung kepada bekalan sumber perikanan yang didaratkan oleh penduduk di kawasan bandar Brunei (Kampong Ayer) yang hanya dapat menampung permintaan tempatan sahaja. Selain itu, kehilangan sumber ekonomi dari wilayah dan tanah jajahan juga telah mengakibatkan Brunei menjadi sebuah negara yang miskin seperti laporan yang dibuat oleh Keyser, Konsul Agung British di Brunei pada tahun 1899, menyatakan Brunei hidup dalam kepapaan, tidak mempunyai sebarang pekerjaan melainkan menangkap ikan (Jiram, 1997: 24; Mohd Shahrol Amira, 1992/1993: 55).

2.2 Sistem Pentadbiran Tradisi Brunei

Sistem pentadbiran tradisi bermaksud corak pentadbiran Brunei sebelum kedatangan Residen British pada tahun 1906. Sistem pentadbiran ini mempunyai beberapa ciri persamaan dengan sistem pentadbiran beberapa kerajaan Melayu di rantau ini yang strukturnya mirip sama dengan sistem yang terdapat di Aceh. Sistem kerajaan dan struktur sosial Brunei dikatakan mungkin berasal dari Majapahit dan rangka asas politiknya pula daripada Kerajaan Johor (Ranjit, 1984: 25). Seperti yang dijelaskan sebelum ini, dalam mentadbir sebuah kesultanan yang mempunyai empayar yang luas, Brunei telah melaksanakan dua sistem pentadbiran iaitu pentadbiran kerajaan pusat dan pentadbiran tanah jajahan.

2.2.1 Pentadbiran Kerajaan Pusat

Pentadbiran kerajaan pusat berada di istana Sultan yang terletak di kawasan bandar Brunei berdekatan teluk Brunei yang dikenali pada masa ini sebagai Kampong Ayer. bandar Brunei terletak di tengah-tengah bahagian utara Pulau Borneo menghadap Laut China Selatan. Dengan kedudukannya ini telah memudahkan pentadbiran kerajaan pusat untuk menjalankan pentadbiran negara dan pentadbiran tanah jajahan bersesuaian dengan kedudukan pentadbiran kerajaan pusat sebagai pemerintah tertinggi dalam sistem politik dan struktur pentadbiran tradisi Brunei ketika itu.

Sistem monarki merupakan tunggak pentadbiran kerajaan pusat, yang meletakkan Sultan atau Yang Dipertuan sebagai pemegang kuasa tertinggi dan mutlak dalam struktur kuasa pentadbiran. Sama seperti dengan beberapa sistem pentadbiran masyarakat Melayu tradisional, sistem pentadbiran tradisi Brunei bukanlah berbentuk demokrasi tetapi kuasa politiknya dimonopoli oleh sekumpulan manusia yang bergelar pemerintah khasnya Raja atau Sultan (Asbol, 2002: 119). Dasar pentadbiran terdiri dari

empat bahagian, iaitu Kanun, Syarak, Adat Istiadat dan Resam (Pg Sabtu, 1992/1993: 1-2). Kanun merujuk kepada *Hukum Kanun Brunei* yang dikatakan menjadi warisan daripada Sultan Mohammad Hassan (Sultan Brunei kesembilan) dan Syarak merujuk kepada ajaran-ajaran agama Islam. Manakala Adat Istiadat pula merujuk kepada adat istiadat Brunei purba kala yang berkaitan dengan Sultan dan adat istiadat yang terpakai dalam kalangan pembesar-pembesar Brunei, serta adat yang terpakai dan diterima oleh masyarakat Brunei. Resam pula merujuk kepada perkara-perkara yang di luar daripada adat istiadat atau adat yang diadatkan.¹

Jentera atau struktur pentadbiran tradisi diketuai oleh Sultan selaku pemegang kuasa tertinggi. Walaupun Sultan memegang kuasa tertinggi, namun dalam pelaksanaan pentadbiran, Sultan tidak menjalankan pentadbiran secara langsung tetapi dibantu oleh pembesar-pembesar negara atau “orang-orang bergelar” yang dilantik atas kuasa Sultan. Terdapat tiga institusi penting pembesar negara dalam struktur pentadbiran iaitu *Wazir*, *Ceteria* dan *Manteri* (Leys, 1968: 117-118; Treacher, 1889: 36-37; Tarling, 1971: 4; Saunders, 1994: 46-47; Leyden, 1837: 94; Ranjit, 1984: 25-26; Asbol, 2002: 173). Institusi-institusi inilah menjadi *mata*, *telinga* dan *mulut* kepada Sultan untuk mendapatkan segala maklumat mengenai keadaan rakyat atau sebagai orang yang diamanahkan untuk menyampaikan segala hasrat Sultan kepada rakyat (Abdul Latif, 2003: 40). Perlantikan pembesar-pembesar negara adalah berdasarkan kepada stratifikasi sosial atau taraf bangsa yang masih wujud hingga sekarang. Misalnya, jawatan *Wazir* hanya dianugerahi kepada golongan raja-raja bertaras (*core nobility*) dan jawatan *Ceteria* kepada golongan Pengiran. Manakala jawatan *Manteri* dianugerai kepada golongan rakyat biasa (Jiram, 1997: 28-30).

¹ Seperti resam satu-satu kelompok masyarakat minoriti atau resam dalam kalangan puak-puak tertentu dengan mengadakan denda terhadap satu-satu kesalahan, misalnya jika seseorang itu melakukan kesalahan ia akan membayar denda berupa barang-barang seperti gong, *tajau*, kerbau dan sebagainya mengikut kesalahan yang dilakukan.

Susunan hierarki pentadbiran kerajaan pusat ialah institusi *Wazir* sebagai pembesar terkanan kepada Sultan yang terdiri daripada *Pengiran Bendahara*, *Pengiran Digadong*, *Pengiran Pemancha* dan *Pengiran Temanggong*. Diikuti selepas itu institusi *Ceteria* yang terbahagi kepada empat bahagian iaitu *Kepala Ceteria* seramai empat orang, *Ceteria Pengalasan* seramai lapan dan 16 orang, dan akhir sekali *Ceteria Damit* seramai 32 orang (Brown, 1970: 111 & 199-200; Sabihah *et al*, 1995: 31). Manakala institusi terendah dalam pentadbiran kerajaan pusat ialah institusi *Manteri*. Institusi ini juga dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu, *Perdana Manteri*, *Kepala Manteri*, *Manteri Empat*, *Manteri Lapan*, *Manteri Enambelas* dan *Manteri Tigapuluh dua*. Di samping itu, untuk melicinkan lagi perjalanan pentadbiran, terdapat lagi beberapa pembesar yang dilantik oleh Sultan seperti *Manteri Agama*, *Manteri Dagang* dan *Manteri Pedalaman* (Hashim, 2003: 35).

Pembesar-pembesar negara inilah yang ditugaskan untuk menjalankan pentadbiran dan juga untuk menjaga kepentingan negara dan rakyat. Tugas-tugas yang dilaksanakan oleh setiap pembesar negara adalah mengikut gelaran yang diberikan. Misalnya *Wazir* yang bergelar ‘*Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisruar*’ mempunyai tanggungjawab dan tugas sebagai pengetua hal ehwal kehakiman dan agama Islam dan pemangku Sultan ketika Sultan berangkat keluar negeri begitulah seterusnya (Hashim, 2003: 34).

Selain dari tugas yang telah ditetapkan mengikut gelaran yang diberikan, pembesar-pembesar negara juga diberi kuasa bebas untuk mentadbir wilayah-wilayah yang dikuasai oleh mereka. Mereka diberikan hak untuk memungut cukai di kawasan-kawasan yang mereka kuasai. Keadaan ini berlaku disebabkan dalam sistem pentadbiran tradisi, pemilikan tanah atau wilayah adalah dimonopoli oleh Sultan, kerabat diraja,

Wazir, *Ceteria* dan golongan Pengiran yang mempunyai pertalian darah dengan Sultan yang dikenali sebagai *Sungai Kerajaan*, *Sungai Kuripan* dan *Sungai Tulin* (Asbol, 2006: 22). Penjelasan lanjut mengenai perkara ini akan dijelaskan di bahagian lain dalam bab ini.

Bagi mempastikan sistem pentadbiran kerajaan pusat berjalan dengan lebih teratur, Sultan bersama *Wazir*, *Ceteria* dan *Manteri* mengadakan beberapa permesyuaratan yang dikenali sebagai Majlis Negeri (*bichara*) (Ranjit, 1984: 28; Treacher, 1889: 50). Majlis ini berperanan dalam membantu Sultan dalam segala urusan pentadbiran dalam negeri dan hal ehwal hubungan dengan negara luar. Di samping itu juga, majlis ini mempunyai kuasa eksekutif dan legislatif dalam menentukan dasar pentadbiran negara sama ada dari segi pentadbiran, agama maupun perundangan (Zaini, 2003: 1). Dalam majlis ini segala pendapat akan dikemukakan untuk dibincangkan sebelum diputuskan secara muafakat. Ini menunjukkan pentadbiran kerajaan pusat juga mengamalkan sedikit konsep demokrasi dalam melaksanakan pentadbirannya. Walau bagaimanapun kuasa Sultan sebagai pemegang kuasa tertinggi tetap kukuh kerana kuasa pemutus terhadap dasar-dasar negara terletak di tangan Sultan serta cap mohor Sultan masih diperlukan dalam semua dokumen yang telah dipersetujui dalam majlis tersebut (Asbol, 2002: 184).

2.2.2 Pentadbiran Tanah Jajahan

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, sebelum kedatangan kuasa-kuasa barat, Brunei merupakan sebuah kerajaan atau kesultanan yang mempunyai tanah jajahan yang luas sehingga berjaya membentuk sebuah empayar yang berpengaruh. Dalam usaha mengawal tanah-tanah jajahan ini Sultan telah mengagih-agihkannya kepada para pembesar negara dan golongan Pengiran untuk mentadbir tanah-tanah jajahan tersebut.

Ini menunjukkan tanah-tanah jajahan Brunei tersebut bukan hanya dimiliki dan ditadbir oleh Sultan tetapi juga oleh para pembesar dan golongan Pengiran. Dengan ini, kewujudan sistem pentadbiran tanah jajahan disebabkan oleh keluasan tanah jajahan yang dimiliki Brunei ketika itu.

Sistem pentadbiran tanah jajahan sangat berkait rapat dengan sistem pemilikan tanah yang dilaksanakan pada zaman tersebut. Oleh itu, penjelasan mengenai sistem pemilikan tanah jajahan sangat penting dalam membincangkan sistem pentadbiran tanah jajahan. Sistem pemilikan tanah jajahan yang dilaksanakan di Brunei pada zaman itu dikenali sebagai *Sungai Kerajaan*, *Sungai Kuripan* dan *Sungai Tulin*. Penggunaan perkataan sungai ini bukan hanya bermaksud tali air yang semula jadi (*Kamus Dewan*, 2005: 1554), tetapi merujuk kepada wilayah, daerah atau rantau pesisir yang merangkumi kawasan daratan, bukit, tanjung, pulau dan hasil-hasil pengeluaran yang berdekatan dengan sungai tersebut (Asbol, 2006: 25). Penekanan perkataan ini disebabkan sungai pada ketika itu menjadi tumpuan kehidupan harian para penduduk dalam mendapatkan bekalan air, alat perhubungan dan kegiatan ekonomi (Asbol, 2002: 216).

Sungai Kerajaan merupakan tanah jajahan yang menjadi hak negara (*crown property*). Sultan yang memerintah mempunyai hak terhadap tanah jajahan tersebut. Akan tetapi apabila Sultan mangkat atau tidak lagi memegang takhta, hak tersebut akan berpindah kepada Sultan yang baru. *Sungai Kuripan* pula dikhaskan untuk menjadi hak milik pembesar-pembesar negara khususnya *Wazir* (*appanagees of state officials*) semasa mereka menjawat jawatan tersebut. Jika pembesar ini meninggal dunia, hak milik itu akan menjadi hak milik negara sehingga lah pembesar baru dilantik. Manakala *Sungai Tulin* adalah tanah jajahan yang menjadi hak milik peribadi (*private hereditary domains*) Sultan, pembesar negara dan golongan Pengiran walaupun tidak dianugerahi gelaran. Ia

tidak dikhkususkan kepada sebarang jawatan, oleh itu Sultan, *Wazir, Ceteria*, golongan Pengiran dan *Manteri* boleh memiliki dan menguasai *Sungai Tulin*. Berbeza dengan dua jenis *Sungai* di atas, *Sungai Tulin* boleh diwariskan kepada keturunan-keturunan pemiliknya (Treacher, 1889: 38; Sabihah *et al*, 1995: 25; Tarling, 1971: 4-5; Leys, 1968: 120-121; McArthur, 1987: 102-103; Saunders, 1994: 47; Ranjit, 1984: 27; Ranjit 2003: 66; Abdul Karim, 1994: 154; *Reports From Her Majesty's Diplomatic and Consular Officers Abroad on Subjects of Commercial and General Interest*, 1884: 18).

Di setiap *sungai* tersebut, pemiliknya diberi kuasa oleh Sultan untuk mentadbir, melantik wakil, mengutip cukai dan menjatuhkan hukuman. Sementara itu bagi *Sungai Tulin*, selain kuasa-kuasa di atas, pemiliknya juga boleh menyewakan, menjual dan menyerahkan kepada kuasa asing (Stubbs, 1968: 117-118; Ranjit, 2003: 66; Asbol, 2002: 219-227). Para penduduk yang mendiami kawasan *sungai-sungai* tersebut dikategorikan sebagai hamba *Kerajaan*, hamba *Kuripan* dan hamba *Tulin*² (Jiram, 1997: 26; Asbol, 2006: 24). Ini menunjukkan bahawa sistem pemilikan tanah jajahan ini bukan hanya terhad kepada penguasaan ke atas *sungai* yang dimiliki, akan tetapi ia juga meliputi kepada penguasaan terhadap penduduk yang mendiaminya. Penguasaan terhadap penduduk dalam sistem pentadbiran tanah jajahan sangat penting kerana mereka inilah yang berperanan dalam pengeksploitasi sumber-sumber alam yang terdapat dalam kawasan tersebut. Oleh itu, para penduduk di tanah jajahan merupakan nadi atau *feeder* kepada perkembangan ekonomi Brunei pada waktu itu. Selain itu, mereka juga menjadi punca sumber pendapatan kepada pemilik *sungai* melalui kutipan cukai.

Disebabkan tanah jajahan atau *sungai* ketika itu sangat luas dan ada pemiliknya yang memiliki lebih dari satu *sungai* serta majoriti mereka menjadi pembesar

² Hamba di sini bukan bermaksud sebagai hamba abdi tetapi penduduk atau rakyat.

di pentadbiran kerajaan pusat, maka hampir semua pemilik telah melantik wakil untuk dihantar ke tanah-tanah jajahan bagi melaksanakan pentadbiran. Terdapat dua kategori wakil yang dilantik iaitu wakil yang dilantik oleh Sultan di *Sungai Kerajaan* dan *Sungai Tulin*, dan wakil yang dilantik oleh pembesar negara dan golongan Pengiran di *Sungai Kuripan* dan *Sungai Tulin* (Abdul Karim, 2008: 70; Asbol, 2002: 229). Dengan perlantikan ini menunjukkan bahawa struktur pentadbiran tanah jajahan boleh dibahagikan kepada tiga jenis. Pertama, pentadbiran yang diketuai sendiri oleh pemilik tanah jajahan; kedua, pentadbiran yang diketuai oleh wakil Sultan; dan ketiga, pentadbiran yang dipimpin oleh wakil pembesar negara atau golongan Pengiran.

Bagi memastikan pentadbiran tanah jajahan berjalan dengan lebih teratur serta mengelakkan berlakunya sebarang tentangan, wakil-wakil yang dilantik terdiri daripada orang-orang yang mendapat sokongan daripada penduduk sesebuah tanah jajahan. Oleh itu, berbagai-bagai golongan wakil yang dilantik pada zaman tersebut seperti *Ceteria*, Pengiran, *Manteri Darat*, Syarif-Syarif³ dan rakyat biasa. Di samping itu, wakil-wakil ini juga diberikan beberapa keistimewaan seperti dikurniakan gelaran, diberi hak mengutip cukai dan penglibatan dalam perdagangan. Keistimewaan yang diberikan bagi memastikan ketaatsetiaan wakil-wakil yang dilantik sekali gus dapat mengukuhkan kedudukan sistem politik Brunei. Sementara itu, wakil-wakil yang dilantik ini pula melantik ketua kampung dan ketua rumah panjang bagi memudahkan lagi mereka melaksanakan tugas mentadbir, mendapatkan sumber ekonomi dan mengutip cukai (Asbol, 2002: 229). Ini menunjukkan bahawa hierarki dalam pentadbiran tanah jajahan diketuai oleh pemilik tanah jajahan, diikuti oleh wakil-wakil yang dilantik dan akhir sekali ketua kampung atau ketua rumah panjang.

³ Golongan Syarif adalah orang-orang Arab yang datang ke Alam Melayu untuk berdagang dan menyebarkan agama Islam, kemudian berkahwin dengan perempuan Melayu.

Wakil-wakil yang dilantik inilah menjadi penghubung utama antara pentadbiran kerajaan pusat dengan pentadbiran tanah jajahan. Selain itu, mereka juga ditugaskan atau diamanahkan untuk mentadbir tanah jajahan, mengutip cukai dan melaksanakan undang-undang seperti yang diarahkan oleh pentadbiran kerajaan pusat (Sabihah, 1991: 133; Asbol, 2002: 229). Walau bagaimanapun, mendapatkan sumber ekonomi dan mengutip cukai merupakan tugas yang paling penting sekali kerana ia merupakan sumber pendapatan utama kepada Sultan dan pemilik tanah jajahan. Ini menunjukkan bahawa pemilik tanah jajahan bukan hanya menguasai kawasan tetapi juga penduduk yang mendiaminya. Oleh itu, penguasaan terhadap penduduk merupakan faktor utama dalam pengukuhan kuasa politik dan ekonomi dalam sistem pentadbiran tradisi Brunei.

Terdapat tiga jenis cukai yang dikenakan kepada penduduk di tanah jajahan pada zaman tersebut iaitu cukai peribadi atau cukai langsung (*personal or direct taxes*), cukai import (*duties on imports*) dan cukai eksport (*duties on exports*). Di bawah cukai peribadi atau langsung terbahagi lagi kepada enam jenis iaitu cukai kapala atau *buis* (*a poll tax*), cukai dagang (*trade tax*), cukai serah (*literally or surrender tax*), cukai *basuh batis* (*washing of the feet tax*), cukai bongkar sauh (*weighing the anchor tax*) dan cukai tolongan (*the taxin aid*). Cukai-cukai ini ada yang dikenakan secara tahunan seperti cukai kapala dan cukai serah dan ada yang tidak mengikut masa bergantung kepada jenis cukai yang dikenakan seperti cukai tolongan yang hanya dikenakan jika pemilik tanah jajahan atau anak-anaknya mengadakan majlis perkahwinan, melahirkan anak, membangun rumah baru dan kematian (*Reports of Commercial and General Interest*, 1884: 19-21; Leys, 1968 :126-129; Asbol, 2002: 240-255).

Kesemua jenis cukai ini hanya dikenakan kepada para penduduk yang berada di kawasan tanah jajahan sahaja. Manakala para penduduk yang berada di kawasan pentadbiran kerajaan pusat atau bandar Brunei tidak dikenakan cukai (McArthur, 1987: 28). Kegagalan para penduduk di tanah jajahan untuk membayar cukai akan dikenakan denda atau hukuman seperti diseksa dan dipukul. Selain itu, isteri dan anak penduduk yang gagal membayar cukai juga akan dirampas untuk dijual sebagai hamba (St. John, 1974b: 248; Asbol, 2002: 249; Brown, 1970: 63).

Dari penjelasan di atas menunjukkan bahawa sistem pentadbiran yang dilaksanakan pada zaman pentadbiran tradisi lebih menumpukan kepada soal-soal yang berkaitan dengan penguasaan terhadap penduduk di tanah-tanah jajahan. Dari tanah-tanah jajahan inilah Brunei mengukuhkan sistem politiknya dan juga mendapatkan sumber-sumber ekonomi. Ini menunjukkan bahawa pengaruh atau kekuahan Brunei pada ketika itu sangat bergantung kepada penduduk-penduduk di tanah jajahan dan segala sumber yang dikeluarkan oleh mereka. Dengan kata lain, dasar pentadbiran pada ketika itu tidak memberi perhatian kepada pembangunan sosial dan ekonomi tanah-tanah jajahan termasuk juga perusahaan perikanan. Pembangunan sosial, ekonomi dan perusahaan perikanan hanya diserahkan kepada wakil-wakil yang dilantik yang sangat bergantung kepada penglibatan dan sumbangan daripada para penduduk di tanah jajahan. Dengan ini, jelas menunjukkan bahawa dasar pentadbiran yang dilaksanakan pada zaman pentadbiran tradisi tidak memberi perhatian terhadap pembangunan dan perkembangan perusahaan perikanan. Perusahaan perikanan hanya dibiarkan berkembang sendiri di bawah kendalian para nelayan sendiri. Apa yang jelas para pemilik tanah jajahan ketika itu hanya memberi perhatian terhadap bekalan sumber perikanan dari tanah jajahan untuk dieksport ke pasaran antarabangsa. Perbincangan lanjut mengenai perusahaan perikanan pada zaman pentadbiran tradisi akan diuraikan pada bahagian lain dalam bab ini.

2.3 Ekonomi Brunei Semasa Zaman Pentadbiran Tradisi

Secara umum, asas keutuhan atau teras kemakmuran ekonomi Brunei pada zaman pentadbiran tradisi adalah melalui aktiviti perdagangan. Menurut D. E. Brown, aktiviti awal perdagangan Brunei (pada atau sebelum abad ke-16) boleh dibahagikan kepada tiga ciri. Pertama, kebanyakan eksport Brunei terdiri daripada bahan-bahan mentah seperti barang-barang makanan, sumber laut, sumber hutan dan sumber galian. Kedua, import Brunei terdiri daripada barang-barang pembuatan seperti kain tenunan (*fabrics*), barang logam, barang tembikar dan lain-lain. Ketiga, aktiviti perdagangan dikawal rapi oleh pentadbiran kerajaan pusat (Brown, 1970: 63).

Aktiviti perdagangan telah wujud semenjak Brunei (Puni) menjalinkan hubungan politik yang begitu erat dengan Benua China pada zaman pemerintahan Dinasti Ling (TM 502-566). Pedagang-pedagang Cina datang ke Brunei (Puni) dengan menggunakan jong-jong atau *wangkang* (tongkang) dengan membawa beberapa barang dagangan. Antara barang dagangan yang mereka bawa ialah seperti tembikar, porselin, plumbum (*lead*), emas, perak, sutera dan sutera tiruan yang berwarna-warni, kain jarang (kasa), sutera tebal, kain berwarna lima dan kain asap. Barang-barang dagangan ini kemudiannya ditukar dengan barang-barang tempatan seperti kapur barus, tanduk rusa, timah hitam, timah putih, perhiasan gelang yang berjela, gelang tangan yang dibuat daripada gading gajah, gincu, mangkuk atau piring daripada kayu, tembikar hijau, kulit penyu, sarang burung, wangi-wangian, kayu cendana, lilin lebah dan rempah. Di antara barang tempatan ini kapur barus adalah eksport utama yang telah berjaya meningkatkan perdagangan Brunei. Kemasyhuran kapur barus ini telah berjaya mengharumkan nama Brunei di merata tempat dengan nama jolokan Negara Kapur Barus atau *Mountain of Champor* (Hirth and Rockhill, 1967: 155-158; Wheatley, 1959: 101-105; Sabihah *et al*, 1995: 34; Abdul Latif dan Jiram, 1994: 69).

Pada abad ke-7 zaman awal Dinasti Tang aktiviti perdagangan Brunei semakin meningkat maju hingga ke peringkat antarabangsa apabila Brunei telah menjadikan Kota Batu sebagai pusat perdagangan serta menjalinkan hubungan perdagangan dengan beberapa pusat perdagangan maritim di rantau ini seperti Melaka, Jawa, Siam, Sumatera dan Kemboja (Sabihah *et al*, 1995: 38-39). Kewujudan pusat perdagangan di Kota Batu ini, telah menarik hampir keseluruhan saudagar-saudagar di keseluruhan Pulau Borneo dan peniaga-peniaga dari Pahang, Terengganu, Kelantan, Siam, Kemboja dan Jawa datang bermiaga di sana (Sabihah *et al*, 1995: 36; Abdul Latif dan Jiram, 1994: 69). Bukti hubungan perdagangan Brunei dengan negara-negara di Asia Tenggara ini ada tercatat dalam laporan Goncalo Periera, ketua umum Portugis di Maluku ke Brunei pada Ogos 1530:

“...The city of Borneo is big, surrounded by a brick wall, with many buildings where the kings live, and has magnificent palaces. In Borneo Lave,⁴ Tanjapura,⁵ Moduro and Cerava⁶ are chief ports of the island, wherein live many and rich merchants, who trade with Malacca, Samatra, Siao,⁷ China and other parts. They bring diamonds, camphor, aloe-wood, provisions and a wine which they called Tampor,...”(Nicholl, 1990: 28).

Hubungan perdagangan Brunei dengan pusat-pusat perdagangan di rantau ini dikendalikan oleh nakhoda (*trader-sea captains*). Seperti yang dijelaskan sebelum ini, bahawa aktiviti perdagangan dikawal rapi oleh pentadbiran kerajaan pusat. Oleh itu, nakhoda-nakhoda kapal perdagangan Brunei adalah dikuasai oleh para pembesar dan golongan Pengiran. Perkara ini sangat jelas, apabila Sultan Bolkiah yang digelar sebagai Nakhoda Ragam terlibat dalam ekspedisi perdagangan sehingga berjaya menonjolkan Brunei mencapai zaman keemasan pada abad ke-16 (Saunders, 1994: 40; Sabihah *et al*, 1995: 38-39).

⁴ Labai (terletak di Kapuas)

⁵ Tanjungpura

⁶ Sarawak

⁷ Siam

Walaupun ada beberapa golongan bawahan terlibat dalam aktiviti perdagangan akan tetapi aktiviti mereka ini hanyalah bersifat setempat atau perdagangan dalam negeri yang dikenali sebagai *padian* dan *pengalu*. *Padian* adalah satu aktiviti perdagangan yang dilakukan oleh kaum wanita yang biasanya berusia 40an tahun ke atas. Mereka berjaya dari sebuah kampung ke sebuah kampung dan di sepanjang tebing sungai Brunei dengan menggunakan perahu kecil yang dikenali sebagai *gubang*. Perahu *padian* ini dipenuhi dengan berbagai-bagai jenis barang keperluan harian seperti ikan, udang, buah-buahan, kuih-muih, sagu, beras, kayu api, barang perhiasan perak dan tembaga, belacan, kain tenunan dan sebagainya (St. John, 1974a: 85-86; Zainuddin, 1992: 34-43; Takong, 1988/1989: 43-50).

Aktiviti *padian* dimulakan awal pagi iaitu selepas solat Subuh. Para *padian* akan berkayuh menuju tempat berkumpul yang dikenali *Pulau-Pulauan*. Dari tempat inilah mereka akan mendapatkan barang-barang keperluan yang hendak dijadikan daripada para *pengalu* dan para nelayan. *Padian* ini bolehlah dikatakan sebagai orang tengah untuk menghubungkan antara penduduk kampung dengan *pengalu* dan nelayan. Selepas memperoleh barang-barulah mereka memulakan perniagaan mereka dengan menuju tempat masing-masing. Perkara yang menarik ialah tidak berlaku perselisihan tentang tempat mereka berniaga kerana telah ditetapkan pembahagian kawasan yang akan mereka tuju (Low, 1968: 152-153; St. John 1974a: 86; Noridah; 2000/2001: 53-53).

Pengalu pula adalah perdagangan yang dilakukan oleh kaum lelaki yang beroperasi di kawasan pesisiran pantai atau sungai-sungai dengan cara pertukaran barang dengan barang secara sistem barter. Selain itu mereka juga mencari barang dagangan sehingga ke seluruh pesisiran dan pedalaman Teluk Brunei seperti Limbang, Temburong, Labuan, Terusan, Lawas, Manggalong dan beberapa daerah lain di Sabah (Zainuddin,

1992: 38-39). Fungsi *pengalu* ini ialah membeli beberapa jenis barang seperti ikan, pakaian, barang-barang dapur, kuih-muih secara pajak daripada beberapa pembekal seperti nakhoda, nelayan dan *padian*. Kemudian barang yang diperoleh ini dijual atau ditukar dengan barang yang berupa tanam-tanaman penduduk di kampung-kampung pedalaman di sepanjang tebing sungai Brunei. Barang yang diperoleh dari kawasan pedalaman ini seterusnya diedarkan kepada para *padian* untuk dijual kepada pembeli atau pengguna di kawasan Kampong Ayer (Rusli, 1981: 21; Abdul Latif dan Jiram, 1994: 70). *Pengalu* ini bolehlah dikatakan sebagai orang tengah atau pemborong terhadap perniagaan antara orang yang tinggal di kawasan pedalaman dengan peniaga-peniaga yang menetap di kawasan Kampong Ayer.

Perahu yang digunakan oleh para *pengalu* adalah lebih besar dari perahu yang digunakan oleh para *padian* iaitu tongkang atau *sekunyir* (jung). Setiap perahu ini boleh memuatkan lima hingga sepuluh pikul barang. Disebabkan jarak perjalanan *pengalu* agak jauh, para *pengalu* akan membina beberapa kemudahan dalam perahu tersebut seperti tempat memasak yang lengkap dengan alat-alat keperluan memasak, dinding dan atap yang diperbuat dari kajang untuk mengelak hujan dan panas (Rusli, 1981: 22; Zainuddin, 1992: 39).

Selain daripada aktiviti *pengalu* dan *padian*, aktiviti atau pekerjaan utama golongan bawahan terutama yang tinggal di kawasan bandar Brunei ialah menangkap ikan. Majoriti penduduk ketika itu menggunakan peralatan menangkap ikan yang dibina daripada bahan-bahan yang diperoleh dari persekitaran tempat mereka tinggal. Antara alat yang digunakan ialah *tampuling*, kail, bubu, *rambat*, kelong, *selambau*, *tugu*, *rigis*, *tambak* dan *sadak*. Hampir keseluruhan peralatan ini diperbuat daripada buluh, akar, kayu balak, benang, tali dan sebagainya. Aktiviti menangkap ikan ini hanya

menggunakan beberapa perahu kecil dan sederhana besar tanpa enjin seperti *gaman*, perahu layar, *jumpung*, *gubang*, *pekarangan*, *pemukatan* dan *bidar* (Lim, 1983: 155). Aktiviti ekonomi perikanan akan dijelaskan lebih lanjut pada bahagian lain dalam bab ini.

Sementara itu, golongan bawahan juga terlibat dalam beberapa perusahaan pembuatan secara kecil-kecilan. Antara perusahaan yang menonjol ialah pertukangan logam (emas, perak, tembaga dan besi). Hasil pengeluaran yang dihasilkan dari pertukangan ini berbeza mengikut jenis logam yang digunakan. Dari emas mereka akan menghasilkan alat-alat perhiasan yang menarik seperti cincin, gelang, rantai, kerusang, anting-anting, pin cucuk sanggul, gandi perkahwinan dan sebagainya. Dari perak pula mereka akan menghasilkan cincin, gelang, pinggan mangkuk, kotak rokok, kotak bedak, kotak mancis dan sebagainya. Selain itu, mereka juga menghasilkan alat-alat muzik seperti guling tangan, gong, tawak, canang dan alat perhiasan seperti lampu suluh, celepa dan meriam dari tembaga. Mereka juga menghasilkan alat-alat senjata seperti keris, parang, pisau, lembing dari besi (Takong, 1988/1989: 64-81; Ismail, 1988/1989: 49-67).

Selain pertukangan logam, orang Brunei juga mengusahakan perusahaan membuat atau *memburis* perahu. Berbagai-bagai jenis perahu telah dihasilkan seperti *pemukatan*, *bidar*, *gubang* dan sebagainya untuk kegunaan sebagai alat perhubungan, perniagaan dan menangkap ikan. Di samping itu, mereka juga membuat kapal perang (Takong, 1988/1989: 82), kapal layar dan kapal dagang dengan ukiran yang sangat menarik (Ak Sabri, t.t.: 1).

Salah satu perusahaan yang tidak kurang pentingnya dalam kalangan penduduk Brunei pada zaman tradisi ialah perusahaan bertenun kain. Perusahaan bertenun ini dikendalikan oleh kaum wanita yang mempunyai kesabaran dan ketekunan.

Kain-kain ini ditenun dengan menggunakan benang emas dan benang biasa yang menjadikan kain ini mempunyai mutu yang sangat tinggi. Kain-kain yang ditenun ini mempunyai tiga jenis iaitu kain *jong sarat* (songket), kain *sukma indera* dan kain *sinjang* (sarung). Biasanya kain yang dihasilkan ini mempunyai berbagai-bagai corak atau bentuk seperti *tabur bunga*, *si pugut*, *pucuk rebung* dan lain-lain (Sabihah *et al*, 1995: 44; Takong, 1988/1989: 59-61).

Orang Brunei juga memanfaatkan sumber-sumber laut dan hutan yang terdapat di persekitaran tempat mereka tinggal. Daripada sumber laut mereka telah mengusahakan perusahaan belacan daripada *bubuk* (*mysidae sp.*) dan membuat kapur dan cat dari kulit-kulit kerang laut. Melalui sumber hutan pula, mereka telah mengusahakan perusahaan gula apung atau gula *anau* daripada pokok nipah. Sementara itu, daripada daun-daun nipah dan pandan mereka telah menghasilkan berbagai-bagai alat keperluan dan kemudahan harian seperti topi *padian*, atap kajang, tudung saji, tikar, bakul, kipas dan sebagainya (Sabihah *et al*, 1995: 44; Takong, 1988/1989: 87-92).

Namun demikian, kekuahan aktiviti perdagangan para pembesar negara dan golongan Pengiran seperti yang dijelaskan di atas mula tergugat apabila kuasa-kuasa Eropah mula datang ke Asia Tenggara. Menurut D. E Brown, “*from the sixteenth century onwards the incursions of Europeans in Southeast Asia and the assertion of independence by former Brunei vassals diminished Brunei's sphere of political dominance and its sphere of trade control*” (Brown, 1970: 63). Perkara ini juga sekali gus telah menggugat malah hampir melumpuhkan penguasaan para pembesar negara dan golongan Pengiran terhadap aktiviti perdagangan. Bagi mengatasi masalah ini, mereka mengalihkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di tanah-tanah jajahan yang dikuasai mereka. Penglibatan para pembesar negara dan golongan Pengiran dalam aktiviti perdagangan ini

boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, golongan yang terlibat langsung dalam aktiviti perdagangan sebagai pedagang di kawasan tanah jajahan yang dimilikinya. Kedua, golongan yang tidak terlibat secara langsung iaitu melalui kutipan cukai daripada tanah-tanah jajahan yang dimiliki (Brown, 1970: 63-64).

Walaupun aktiviti perdagangan pada ketika itu telah dikuasai oleh para pembesar negara dan golongan Pengiran, namun demikian keadaan ini tidak pula menghalang penglibatan golongan bawahan. Akan tetapi penglibatan mereka tetap terikat di bawah kekuasaan para pembesar negara dan golongan Pengiran melalui kutipan cukai. Kebebasan mereka untuk menjalankan aktiviti perdagangan adalah bergantung kepada hubungan mereka dengan para pembesar negara dan golongan Pengiran atau tertakluk kepada kesanggupan mereka membayar cukai. Oleh itu, sama dengan para pembesar negara dan golongan Pengiran di atas, penglibatan golongan bawahan dalam aktiviti perdagangan juga terbahagi kepada dua golongan. Pertama, golongan yang bertindak sebagai ejen, pelanggan (*client*) atau pengikut kepada para pembesar negara dan golongan Pengiran. Kedua, golongan yang bertindak sebagai ejen bebas, asalkan mereka membayar cukai (Brown, 1970: 64).

Keadaan ini telah menyebabkan banyak kegiatan ekonomi daripada sumber-sumber hutan, laut, pertanian dan galian yang terdapat di tanah-tanah jajahan telah diberi perhatian oleh para pembesar dan golongan Pengiran sama ada secara langsung atau tidak langsung (melalui kutipan cukai). Dari tanah jajahan di sebelah pantai barat pusat pemerintahan, komoditi-komoditi getah India, getah jelutung, kapur barus, kayu kayan, lilin lebah, rotan, sagu, sarang burung, sarang lebah, padi, antimoni dan emas telah diberi tumpuan. Ini menunjukkan bahawa di kawasan ini para pembesar negara dan golongan Pengiran telah memberi perhatian kepada sumber-sumber hutan, pertanian dan galian.

Manakala di sebelah pantai timur tanah jajahan pusat pemerintahan, para pembesar negara dan golongan Pengiran telah memberi tumpuan kepada sumber-sumber laut dan pertanian. Antara komoditi yang diberi perhatian ialah agar-agar, garam laut, ikan, kulit penyu, mutiara, sotong, tripang, padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan binatang ternak (Asbol, 1995: 59-88).

Di antara komoditi-komoditi ini, antimoni dan sagu merupakan komoditi yang sangat diberi perhatian. Kedua-dua komoditi ini telah berjaya dieksport ke Singapura yang sekali gus menjadi sumber pendapatan para pembesar negara dan golongan Pengiran. Komoditi antimoni mula dijumpai di hulu sungai Sarawak⁸ pada tahun 1824 yang diusahakan oleh Pengiran Indera Mahkota selaku pemilik tanah jajahan (Treacher, 1890: 36-37). Bijih antimoni yang dikeluarkan dari kawasan ini lebih baik berbanding dengan antimoni yang dikeluarkan di Eropah yang menyebabkan ia mendapat pasaran tinggi di Singapura. Perkara ini sekali gus telah menjadi sumber pendapatan utama Pengiran Indera Mahkota. Bagaimanapun, pengeksportan antimoni hanya bertahan sehingga tahun 1839 apabila pengeluaran antimoni telah mengalami kemerosotan dan terhenti akibat pengurusan yang dilaksanakan oleh Pengiran Indera Mahkota bersifat paksaan tanpa menghirau kebijakan para pekerja⁹ (Ooi, 1997: 12-13; Irwin, 1986: 93-94; Low, 1968: 17-18; Rawlins, 1965: 15-16).

Manakala komoditi sagu pula diusahakan di kawasan persisiran pantai timur laut Sarawak. Sagu telah berjaya dieksport ke Singapura untuk diproses bagi memenuhi pasaran Eropah. Urusan pemasaran dan pengeksportan ke Singapura dikendalikan oleh peniaga-peniaga Melayu yang terdiri daripada golongan Pengiran dan peniaga-peniaga

⁸ Tanah jajahan Sarawak pada awal abad ke-19 hanyalah bahagian barat Sarawak pada masa ini yang meliputi dari Tanjung Datu hingga ke sungai Rejang sahaja.

⁹ Pengkaji sejarah Brunei menyatakan kemerosotan pengeksportan antimoni juga disebabkan oleh tercetusnya pemberontakan Sarawak asal yang bermula pada tahun 1835 (Asbol, 2015: Temu bual).

Cina. Perusahaan sagu dari kawasan ini telah menjadi sumber pendapatan mereka sebelum ia diserahkan kepada Charles Brooke pada tahun 1861 (Ooi, 1997: 13).


Kegiatan ekonomi para pembesar dan golongan Pengiran di tanah-tanah jajahan semakin terancam dan menghadapi kelumpuhan akibat kegagalan Brunei menghadapi pelbagai cabaran dan mempertahankan keselamatan perairan dan tanah jajahannya. Ancaman pertama datang daripada Datu-Datu Sulu yang berjaya menjalinkan hubungan perdagangan dengan penduduk di pulau-pulau selatan Filipina dan tanah jajahan di timur laut Borneo pada penghujung abad ke-18 (Warren, 2007: 3-4; Abdul Karim, 2008: 104). Keadaan ini bukan sahaja melenyapkan penguasaan Brunei di kawasan tersebut tetapi juga menghilangkan satu kawasan yang kaya dengan sumber laut dan hasil hutan. Pada masa yang sama, Datu-Datu Sulu juga menguasai dua pelabuhan perdagangan utama di timur laut Borneo, iaitu Sandakan dan Teluk Merudu yang kaya dengan hasil mutiara, tripang dan kapur barus (Abdul Karim, 2008: 104). Keadaan ini bertambah buruk, apabila Datu-Datu Sulu menjalankan aktiviti pelanunian yang memburu dan menangkap penduduk-penduduk di luar Kepulauan Sulu untuk meningkatkan sumber tenaga manusia dalam pengeksplorasi sumber laut dan hasil hutan. Aktiviti pelanunian ini meliputi kawasan yang luas, merangkumi hampir keseluruhan kawasan Asia Tenggara (Mohammad Raduan, 1995: 12-18).

Untuk menampung kemerosotan pendapatan para pembesar dan golongan Pengiran, mereka telah melibatkan diri dalam aktiviti pelanunian untuk dijual kepada Datu-Datu Sulu dan Ketua-Ketua Puak Samal. Keadaan ini telah menjelaskan keselamatan di perairan Brunei apabila aktiviti pelanunian semakin meluas sehingga ke kawasan barat dan barat laut Borneo, malah mereka telah menggunakan Pulau Labuan, Tampasuk dan Padasan sebagai pusat gerakan pelanunian (Abdul Karim, 2008: 105-111).

Aktiviti pelanunan ini telah menjaskan hubungan perdagangan Brunei dengan Portugis, Sepanyol, Inggeris dan Cina pada awal abad ke-19. Perdagangan luar Brunei waktu itu hanya terbatas ke negeri-negeri Sambas, Pontianak, Terengganu, Lingga dan Melaka (Hunt, 1846: 68). Untuk menghidupkan semula aktiviti perdagangan, Brunei telah meminta bantuan daripada Inggeris dan Portugis. Namun demikian, kuasa-kuasa barat ini tidak bersedia untuk membantu Brunei, sehinggalah Inggeris bertapak di Singapura melalui pembukaan sebuah pelabuhan bebas pada tahun 1819. Melalui pelabuhan ini hubungan perdagangan antara Brunei dengan Inggeris di Singapura dapat dijalankan semula (Abdul Karim, 2008: 113-118).

Bagaimanapun, hubungan ini menjadi asas bermulanya kepada kejatuhan yang begitu drastik empayar Brunei apabila James Brooke datang ke Sarawak pada 1 Ogos 1839. Kedatangan James Brooke telah mengubah batas sempadan dan penguasaan Brunei ke atas tanah-tanah jajahan beserta penduduk dan sumber ekonominya. Perubahan ini bermula apabila James Brooke telah berjaya mendapat tanah jajahan Sarawak (Kuching) daripada Pengiran Muda Hashim pada tahun 1841 yang kemudiannya beliau dilantik oleh Sultan menjadi gabenor di sana pada 1 Ogos 1842. Dengan kuasa yang diberikan, beliau dan pewarisnya Charles Brooke¹⁰ telah dapat mengukuhkan pengaruh dan meluaskan wilayah jajahannya dari Tanjung Datu ke kuala sungai Samarahan pada 2 Ogos 1846, Pulau Labuan pada 18 Disember 1846, dari sungai Rejang ke Bintulu pada tahun 1861, dari Bintulu ke sungai Baram pada tahun 1882, wilayah Trusan pada tahun 1885, wilayah Limbang pada tahun 1890, dan wilayah Lawas pada tahun 1905 (Saunders, 1994: 73-97; Abdul Karim, 1994: 157-170; Asbol, 2002: 56-88; Franz, 1980: 20-22) (lihat Rajah 2.3).

¹⁰ James Brooke menjadi Raja Sarawak pada tahun 1841 hingga 1868 dan Charles Brooke pada tahun 1868 hingga 1917.



Rajah 2.3: Kejatuhan Tanah Jajahan Brunei Abad Ke-19

Sumber: Franz, 1980: 21.

Pada masa yang sama Brunei juga kehilangan penguasaan terhadap tanah-tanah jajahan di kawasan pantai timur. Bermula dengan pemajakan dari Sulaman ke sungai Paitan yang meliputi Paitan, Sugat (Sugut), Bag-gayan, Labok, Sandakan, China Batangan (Kinabatangan), Gagayan, Mumiang, Benomi (Benoni), Kimanis, Pulau Pulau Banguey (Banggi), Pulau Palawan dan Pulau Balabac selama 10 tahun kepada konsul Amerika di Brunei Charles Lee Moses pada tahun 1865 (Abu Bakrin, 1988: 38; Abdul Karim, 1994: 164; Mohd Arif, 1988: 10). Walau bagaimanapun, Lee Moses telah menjualkan semua pajakan di atas kepada dua orang ahli perniagaan Amerika, Joseph W. Torrey dan Thomas B. Harris bersama dua orang Cina bernama Lee Assing dan Pong Ampong pada 9 September 1865. Mereka telah menubuhkan “The American Trading Company of Borneo” pada 25 Oktober 1865 (Tregonning, 1965: 6; Cecilia, 1982: 37; Abdul Karim, 1994: 164). Selain itu, Joseph W. Torrey juga telah dilantik sebagai *Supreme Ruler and Governor* dengan gelaran *Rajah Ambong and Marudu* dan *Sir Maharajah of North Borneo* oleh Sultan Brunei. Menurut K. G. Tregonning, dengan gelaran tersebut Joseph W. Torrey “...vested him with the power of life and death over the inhabitants, the right to coin money and make laws, and all other powers and rights exercised by a sovereign ruler” (Tregonning, 1965: 6).

Kemudian pada tahun 1875 iaitu ketika tempoh pajakan berakhir, Joseph W. Torrey telah menjual pajakan tersebut kepada Baron de Overbeck konsul empayar Austria-Hungary di Hong Kong dan rakan kongsinya Alfred Dent berbangsa Inggeris (Irwin, 1986: 249-250; Abdul Karim, 1994: 164; Mohd Arif, 1988: 11). Bagi mengesahkan pembelian itu, Baron de Overbeck dan Alfred Dent telah membaharui hak pemajakan dari Sultan Brunei pada 29 Disember 1877. Selain membaharui hak pemajakan, mereka juga berjaya mendapatkan sebahagian besar kawasan negeri Sabah yang ada pada masa ini (Cecilia, 1982: 41; Abdul Karim, 1994: 164; Mohd Arif, 1988:

11-13). Dengan keluasan tanah pajakan yang diperoleh, Baron de Overbeck telah dikurniakan gelaran Maharaja Sabah dan Raja Gaya dan Sandakan buat selama-lamanya yang sekali gus menjadikan beliau sebagai pemerintah agung di kawasan tersebut (Irwin, 1986: 250-251; Treacher, 1890: 49; Mohd Arif, 1988: 13; Abdul Karim, 1994: 164).

Oleh sebab tidak mendapat sokongan daripada kerajaan Austria, campur tangan W. H. Treacher di Labuan (Tregonning, 1965: 20) dan kekurangan modal telah memaksa Baron de Overbeck untuk menjual semua hak yang dimiliki kepada Alfred Dent pada awal tahun 1879 (Mohd Arif, 1988: 15-16; Irwin, 1986: 252). Untuk memudah dan mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan British, Alfred Dent telah memindahkan semua kepentingan dan kuasa beliau dengan bayaran £120,000.00 untuk mendapatkan Piagam Diraja bagi menubuhkan sebuah Syarikat British. Beliau telah berjaya mendapatkan Piagam Diraja pada tahun 1881 (Mohd Arif, 1988: 16). Dengan pengurniaan Piagam Diraja tersebut telah memberi hak kepada Kerajaan British terhadap Borneo Utara (Sabah). Pada Mei 1881 British North Borneo Provisional Association, Limited telah ditubuhkan yang kemudiannya diganti dengan BNBCC setahun kemudian (Jiram, 1997: 12).

Dengan kewujudan Piagam Diraja dan dasar peluasan kawasan tanah jajahan yang dilaksanakan BNBCC, telah menyebabkan Brunei kehilangan kuasa terhadap keseluruhan kawasan Sabah yang ada pada masa ini. Bermula dengan sungai Putatan pada 20 Mac 1884, diikuti seterusnya Sipitang-Kuala Penyu pada 5 November 1884, Kawang pada 20 Februari 1885, Pulau Mantanani pada 10 April 1885, Padas Damit pada 1 Mac 1889, Inanam pada 5 Ogos 1896, Kinarut dan Dinawan pada 14 Mei 1897, Menggatal, Mengkabong, Api-Api, Sembulan, Napas dan Tambalang pada 23 Mac 1898, Inanam, Menggatal, Api-Api, Membakut, Mangkabong dan Kuala Lama pada 30 Mac

1898, Menggatal pada 2 April 1898, wilayah antara Sipitang dan sungai Trusan pada 7 September 1901, Mengalong dan Merentam pada 9 Disemeber 1901 dan Membakut pada 11 April 1902 (Zainun Johari, 1989: 59-60; Jiram, 1997: 12-13).

Dengan kehilangan tanah jajahan ini, Brunei telah mengalami kekurangan penduduk yang sekali gus kehilangan tenaga kerja. Keadaan ini telah melumpuhkan sumber pendapatan para pembesar negara dan golongan Pengiran melalui kutipan cukai terhadap kegiatan perdagangan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain. Pada masa yang sama, keadaan ini telah menyebabkan Brunei kehilangan sebahagian besar sumber hasil eksport seperti antimoni, sagu mentah, sarang burung, kapur barus dan lain-lain yang sebelum ini diperoleh dari tanah-tanah jajahan terutama dari kawasan Sarawak.

Kelumpuhan penguasaan para pembesar dan golongan Pengiran terhadap aktiviti ekonomi serta dasar perdagangan bebas yang dilaksanakan oleh regim Brooke di Sarawak dan BNBCC di Sabah telah memberi peluang kepada golongan Cina untuk melibatkan diri serta menguasai kegiatan ekonomi dan perdagangan di Brunei. Penglibatan golongan Cina ini juga mendapat sokongan daripada kerajaan British yang pada masa itu menguasai perdagangan di rantau ini. Perkara ini jelas terbukti melalui laporan St. John konsul British di Brunei tentang kedatangan peniaga-peniaga Cina pada tahun 1856 yang menyatakan “*About 30 new Chinese traders have arrived, and preparations are making for the accomodation of many more. They are in good spirits, and are looking forward to an extended commerce*” (*Abstract of Reports on the Trade of Various Countries and Places, for The Years 1855-1856*, 1857: 12). Selain itu, dasar pembangunan ekonomi yang dilaksanakan oleh regim Brooke terhadap tanah-tanah Brunei yang diperoleh juga sangat memberi sokongan dan kepercayaan kepada golongan

Cina seperti yang dijelaskan oleh Charles Brooke “*without the Chinese we can do nothing*” (Treacher, 1890: 25).

Dengan sokongan daripada kerajaan British, peniaga-peniaga Cina telah dapat menguasai perusahaan-perusahaan ekonomi yang terdapat di Brunei. Selain itu, mereka juga menguasai urusan perdagangan eksport antara Brunei dengan Singapura dan Labuan. Berdasarkan data-data yang diperoleh, pada sepanjang tempoh dari tahun 1857 hingga tahun 1884, terdapat 27 komoditi eksport daripada sumber hutan, sumber laut, sumber galian, hasil pertanian, hasil pembuatan dan lain-lain. Komoditi eksport daripada sumber hutan yang juga merupakan eksport terpenting ketika itu terdiri daripada sagu, getah *rian* (*gutta-percha*), getah India, sarang burung, lilin lebah, batu *bezoar* (*bezoar stones*), kapur barus, rotan dan kulit tenggiling (*armadillo skins*). Komoditi padi/ beras, kacang pis, ubi kayu, betari (*sorghum*), kulit binatang (*hides*) dan lembu pula merupakan daripada hasil pertanian. Daripada sumber laut pula, komoditi sirip ikan jerung, kulit penyu, tripang dan mutiara telah dapat dieksport. Manakala barang perak, barang kemas, barang runcit, pakaian dan beg guni (*gunny bags*) merupakan komoditi eksport daripada hasil pembuatan. Akhir sekali daripada sumber galian dan lain-lain terdiri daripada arang batu, dolar dan syiling (lihat Jadual 2.1).

Berdasarkan kepada Jadual 2.1, menunjukkan bahawa daripada kesemua komoditi eksport tersebut, sagu merupakan komoditi eksport terpenting pada tempoh tahun 1857 hingga tahun 1884. Pada sepanjang tempoh ini kecuali pada tahun 1884 sagu merupakan komoditi pertama dari segi jumlah nilai eksport yang disumbangkan terhadap perdagangan Brunei. Ini jelas apabila pada tahun 1857 komoditi sagu menyumbangkan sebanyak \$69,646.00 (*Spanish dollars*) telah meningkat kepada \$124,081.00 pada tahun 1879 yang merupakan sumbangan tertinggi pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun,

Jadual 2.1: Eksport Komoditi Utama Brunei 1857-1884 (*Commercial Reports from Her Majesty's Consuls*, Pelbagai Keluaran)

Komoditi	1857	1864	1865	1872	1876	1877	1878	1879	1880	1881	1882	1883	1884
Lilin Lebah	-	2,829.15	8,565.00	2,600.00	950.00	1,450.00	1,860.00	1,695.00	1,250.00	950.00	1,500.00	649.20	2,080.23
Batu Bezoar	-	181.00	615.00	400.00	-	-	-	-	-	579.00	-	-	-
Sarang Burung	13,918.00	1,696.95	4,697.00	2,160.00	4,945.00	2,500.00	1,179.00	1,330.00	2,500.00	1,025.00	1,646.00	185.00	1,558.00
Kapur Barus	14,507.00	8,241.00	7,916.00	2,654.00	9,128.00	4,600.00	5,600.00	4,400.00	-	1,690.00	1,980.00	1,196.00	1,470.56
Getah Rian dan Getah India	-	250.00	4,500.00	50,140.00	7,381.00	3,220.00	9,914.00	27,720.00	-	36,544.00	25,873.00	28,190.58	26,550.00
Sagu	69,546.00	36,773.00	63,067.50	87,360.00	75,360.00	103,190.00	115,172.00	124,081.00	81,446.00	64,979.00	53,925.00	68,411.99	37,944.74
Rotan	-	-	-	-	859.00	-	-	-	-	-	-	120.00	224.00
Kulit Tenggiling	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	45.00	160.00
Kulit Binatang	-	1,136.32	3,270.00	1,646.00	1,817.00	1,817.00	1,817.00	1,362.00	555.00	-	2,240.00	2,560.00	3,220.00
Kacang Pis	-	26.50	118.14	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Padi	-	-	605.11	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Nasi	-	-	412.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Ubi Kayu	-	-	-	-	-	-	-	413.00	2,589.00	2,075.00	-	-	-
Lembu	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	400.00
Betari	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	190.00
Sirip Ikan Jerung	-	226.25	364.00	-	150.00	600.00	-	-	-	-	-	-	250.00
Kulit Penyu	-	300.00	-	-	-	-	-	-	-	-	50.00	-	-
Tripang	-	607.00	195.00	-	192.00	-	-	-	-	-	-	-	-
Mutiara	-	-	2,271.00	485.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Barangan Perak	-	-	-	4,600.00	-	-	-	-	-	840.00	100.00	-	-
Barang Kemas	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	5,000.00
Pakaian	-	-	-	300.00	-	-	-	-	-	-	-	-	7,000.00
Beg Guni	-	-	-	3,270.00	5,372.00	5,525.00	4,883.00	5,111.00	3,063.00	2,982.00	3,123.00	3,186.60	1,864.06
Barangan Runcit	-	-	-	-	1,184.00	-	1,061.00	121.00	-	-	-	-	7,400.00
Dolar	-	6,100.00	10,000.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Syiling	-	-	-	-	17,500.00	8,350.00	31,189.00	5,751.00	8,500.00	15,500.00	14,000.00	-	63,000.00
Pelbagai Baranagan	22,184.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Arang Batu	32,360.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	6,000.00	19,092.00	115,248.17

nilai eksport komoditi sagu ini telah merosot kepada \$37,944.74 pada tahun 1884 yang sekali gus menjadikannya sebagai komoditi kedua terpenting sahaja. Salah satu faktor penyebab kemerosotan, adalah proses penghantaran sagu yang sebelum ini melalui bandar Brunei telah dihantar terus ke Kuching. Perkara ini sangat jelas apabila kuantiti eksport sagu bandar Brunei yang berjumlah 2,000 beg telah menurun kepada 600 ke 700 beg sahaja (*Borneo: Report for the Year 1898 on the Trade of Borneo and Sarawak*, 1899: 4). Lanjutan daripada keadaan ini, beberapa kilang sagu di bandar Brunei terpaksa ditutup pada tahun 1904 (Jiram, 1997: 24).

Kejatuhan nilai eksport sagu tersebut sekali gus juga menjatuhkan nilai perdagangan Brunei. Nilai perdagangan Brunei yang berjumlah \$290,109.00 iaitu \$137,594.00 nilai import dan \$152,515.00 nilai eksport pada tahun 1857 telah jatuh kepada \$124,587.00 pada tahun 1885. Nilai eksport Brunei pada tahun 1885 hanya berjumlah \$65,214.00 dan nilai importnya berjumlah \$59,373.00 (*Abstract of Reports on the Trades of Various Countries and Places, for The Years 1857-58-59*, 1860: 19; McArthur, 1987: 124; Saunders, 1994: 104) (lihat Jadual 2.2). Selain daripada kejatuhan nilai eksport sagu, kejatuhan perdagangan Brunei juga disebabkan pada tahun 1885 merupakan tahun bermula proses pengambilan paling banyak tanah-tanah jajahan Brunei seperti yang dijelaskan di atas. Manakala Graham Saunders pula berpendapat bahawa kejatuhan tersebut adalah berpunca daripada kekacauan yang berlaku di tanah jajahan Limbang (Saunders, 1994: 104). Ini menunjukkan bahawa tahun 1885 merupakan titik permulaan kejatuhan ekonomi Brunei.

Pada hujung abad ke-19, ekonomi Brunei telah jatuh dengan teruknya apabila aktiviti perdagangan ketika itu telah jatuh secara keseluruhan kerana kapal-kapal perdagangan dari Singapura tidak lagi datang ke Brunei. Pada waktu tersebut, tiada

Jadual 2.2: Nilai Perdagangan Brunei 1857-1885 (*Commercial Reports from Her Majesty's Consuls*, Pelbagai keluaran; Saunders, 1994: 104)

Tahun	Nilai Ekspor	Nilai Import	Jumlah
1857	\$152,515.00	\$137,594.00	\$290,109.00
1864	\$58,367.53	\$66,586.26	\$124,953.79
1865	\$106,655.75	\$76,981.00	\$183,636.75
1866	\$224,068.00	\$209,764.00	\$433,832.00
1871	\$240,000.00	\$225,600.00	\$465,600.00
1872	\$303,619.00	\$257,654.00	\$561,273.00
1873	\$124,286.00	\$152,832.00	\$277,118.00
1874	\$211,786.00	\$211,872.00	\$423,658.00
1875	\$175,982.00	\$176,025.00	\$352,007.00
1876	\$124,838.00	\$123,232.00	\$248,070.00
1877	\$131,252.00	\$112,083.00	\$243,335.00
1878	\$172,675.00	\$143,915.00	\$316,590.00
1879	\$171,984.00	\$153,489.00	\$325,473.00
1880	\$145,413.00	\$138,836.00	\$284,249.00
1881	\$127,164.00	\$116,155.00	\$243,319.00
1882	\$110,438.00	\$113,550.00	\$223,988.00
1883	\$125,636.37	\$111,854.43	\$237,490.80
1884	\$273,559.76	\$135,054.69	\$408,614.45
1885	\$65,214.00	\$59,373.00	\$124,587.00

sebarang pekerjaan penduduk Brunei kecuali menangkap ikan serta kehidupan harian mereka adalah dalam keadaan yang sangat miskin. Perkara ini jelas dinyatakan dalam laporan Keyser, Konsul Agung British di Brunei kepada *Foreign Office* pada tahun 1899:

“Such trade as there was has completely fallen off, and the monthly steamer from Singapore has ceased its visits. The debts and difficulties of the Sultan and his chiefs have so increased with time that this state of affairs naturally reacts upon the people. With the exception of catching fish, no one does any work, and all live in poverty and constant want of food...” (Gould and Bampfylde, 1989: 360).

Menjelang abad ke-20, ekonomi Brunei semakin teruk sehingga telah dianggap sebagai sebuah negara muflis. Perkara ini jelas dinyatakan dalam *Singapore Free Press* pada bulan Ogos 1900:

“Bruni, though independent, is in a state of bankruptcy and decay, and would not be a desirable acquisition for any one. Its revenues, such as they are, are all leased and sold, and those who should benefit from them have long parted with their interests...” (Gould and Bampfylde, 1989: 359-360).

Walaupun Brunei telah memberi peluang dan kebenaran kepada Island Trading Syndicate untuk menjalankan perusahaan *cutch* pada tahun 1900, namun perusahaan ini tetap belum dapat mengimbangi atau menampung kemerosotan ekonomi Brunei ketika itu (Saunders, 1994: 103). Perkara ini disebabkan perusahaan *cutch* sentiasa menghadapi masalah dalam mendapatkan bekalan kulit kayu bakau (Jiram, 1997: 25).

Dari apa yang dibincangkan di atas jelas menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi semasa zaman pentadbiran tradisi lebih tertumpu dan bergantung kepada sumber-sumber hutan, galian, pertanian dan pembuatan. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang berteraskan sumber laut termasuk perusahaan perikanan kurang diberi perhatian sama ada oleh para pembesar dan golongan Pengiran atau peniaga-peniaga Cina atas tajaan kerajaan British. Perkara ini jelas, walaupun hanya aktiviti menangkap ikan yang dapat

dikerjakan oleh para penduduk semasa Brunei mengalami kemerosotan ekonomi, namun ia tidak diberi perhatian. Pihak pentadbiran hanya memberi perhatian kepada perusahaan *cutch* yang baru diperkenalkan pada tahun 1900. Implikasi dari keadaan ini telah menyebabkan hasil pengeluaran perusahaan perikanan hanya tertumpu kepada keperluan makanan harian dan juga untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan. Perkara ini jelas menggambarkan bahawa walaupun Brunei merupakan sebuah negara maritim namun sumber laut termasuk perikanan bukan menjadi sumber ekonomi utama pada zaman pentadbiran tradisi.

2.4 Penduduk Brunei Semasa Zaman Pentadbiran Tradisi

Jumlah sebenar penduduk Brunei pada zaman tradisi amat sukar dipastikan. Salah satu faktor penyebab perkara ini berlaku adalah kedudukan geografi atau penguasaan Brunei terhadap tanah jajahan dari sebuah negara kecil menjadi sebuah empayar yang mempunyai tanah jajahan yang luas, kemudian menjadi kecil semula setelah kedatangan kuasa-kuasa Barat di rantau ini. Keadaan yang berlaku ini telah mempengaruhi catatan-catatan tentang jumlah penduduk Brunei pada zaman tradisi. Walau bagaimanapun terdapat beberapa catatan dari sumber China dan beberapa orang pegawai British dan pengembara Barat yang menyatakan jumlah penduduk bandar Brunei pada zaman tradisi.

Catatan awal tentang jumlah penduduk Brunei dicatatkan dalam buku *Chu-fan-chi* yang menyatakan bahawa pada zaman Dinasti Sung (960-1368) Poni (Brunei) mempunyai penduduk seramai lebih kurang 10,000 orang. Mereka menetap di kawasan yang dilindungi oleh kubu-kubu kayu. Raja atau pemerintah tinggal di istana sederhana besar yang diperbuat daripada kayu dan beratap nipah. Manakala rakyat jelata pula tinggal di rumah-rumah yang diperbuat daripada kayu dan rumput (Ongkili, 1972: 4; Hirth and Rockhill, 1967: 155; Sabihah *et al*, 1995: 3; Wu, 1999: 192; Pg Karim, 2007:

121). Catatan yang lebih kurang sama mengenai perkara ini juga dicatatkan oleh Sung Lien dalam artikel beliau bertajuk *Sung hsueh-shih wen chi*. Beliau telah mencatatkan bahawa jumlah penduduk di bandar Poni (Brunei) kurang daripada 3,000 keluarga dan kebanyakannya penduduknya menjadi nelayan (Brown, 1972: 221 & 227).

Sementara itu, Antonio Pigafetta seorang pengembara berbangsa Itali yang telah melawat Brunei pada tahun 1521 menganggarkan jumlah penduduk bandar Brunei ketika itu seramai lebih kurang 25,000 keluarga (Low, 1968: 98-99, Treacher, 1889: 26; Nicholl ed, 1990: 10; Ongkili, 1972: 11; Brown, 1970: 141-142; Gould and Bampfylde, 1989: 40; Ranjit, 1984: 18-19; Pg Karim, 2007: 123; Matussin, 1981: 2). Dengan jumlah ini, Treacher berpendapat bahawa penduduk Brunei ketika itu berjumlah 150,000 orang jika diambil kira purata seramai enam orang bagi setiap keluarga. Kebanyakan penduduk ketika itu terdiri daripada bangsa Cina yang menanam lada hitam dan putih di kawasan tanah tinggi yang berbukit-bukit. Menurut beliau lagi, jumlah ini menjadi 375,000 jika diambil kira purata setiap keluarga berjumlah 15 orang seperti yang digunakan oleh St. John pada tahun 1863 (Treacher, 1889: 26).

Peningkatan drastik jumlah penduduk Brunei pada tahun 1521 di atas disebabkan pada ketika itu merupakan zaman keemasan Brunei setelah kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511. Menurut D. E. Brown dan D. S. Ranjit, setelah kejatuhan Melaka ramai peniaga-peniaga bangsa Arab dan India telah menjadikan Brunei sebagai pusat perdagangan baru di Kepulauan Melayu. Keadaan ini secara langsung telah meningkatkan jumlah penduduk Brunei ketika itu (Brown, 1970: 141-142; Ranjit, 1984: 19).

Namun demikian, Robert Nicholl berpendapat bahawa catatan Pigafetta tersebut merupakan satu catatan yang diperbesar-besarkan (*exaggerated*) daripada jumlah sebenar. Jika jumlah penduduk Brunei sebanyak 25,000 keluarga, Brunei merupakan sebuah empayar terbesar di Kepulauan Melayu pada waktu tersebut. Akan tetapi tiada sebarang catatan lain yang boleh menyokong catatan Pigafetta tersebut oleh para sarjana lain. Beliau beranggapan bahawa kemungkinan besar berlaku kesilapan pendengaran dalam penterjemahan maksud ratus kepada ribu. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa jumlah sebenar yang dimaksudkan oleh Pigafetta ialah 2,500 keluarga iaitu jumlah yang lebih wajar diterima (Nicholl ed, 1990: 13).

Berdasarkan kepada catatan awal penduduk Brunei pada zaman Dinasti Sung di atas pengkaji lebih bersetuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Robert Nicholl. Ini kerana jumlah penduduk Brunei hanya meningkat daripada 10,000 orang pada abad ke-10 kepada 37,500 orang pada abad ke-16 jika berpandukan kepada purata 15 orang bagi setiap keluarga. Peningkaan ini lebih wajar diterima berbanding peningkatan daripada 10,000 orang pada abad ke-10 menjadi 375,000 orang pada abad ke-16.

Walau bagaimanapun, pada abad ke-19, jumlah penduduk Brunei semakin menurun dari setahun ke setahun. St. John menganggarkan penduduk Brunei hanya berjumlah seramai lebih 25,000 orang sahaja pada tahun 1863 (St. John, 1974b: 248; Treacher, 1889: 26; Asbol, 2002: 73). Jumlah ini semakin menurun lagi antara 12,000 ke 15,000 orang pada penghujung abad ke-19 (Treacher, 1889: 27). Kemerosotan jumlah penduduk ini disebabkan oleh kehilangan tanah jajahan, kelumpuhan ekonomi dan kemuflisan Brunei pada waktu itu seperti yang dijelaskan sebelum ini. Kelumpuhan ekonomi Brunei juga telah menyebabkan ramai penduduk Brunei berhijrah ke kawasan-kawasan tanah jajahan regim Brooke dan tanah jajahan BNBCC yang memberi banyak

peluang pekerjaan. Pada masa yang sama, dasar pentadbiran regim Brooke yang tidak mengenakan sebarang cukai kecuali cukai kepala \$2.00 setahun juga telah menarik lebih ramai penduduk Brunei untuk berhijrah (McArthur, 1987: 80). Selain itu, penurunan jumlah penduduk Brunei juga disebabkan oleh berbagai-bagai wabak penyakit berjangkit yang telah melanda Brunei ketika itu seperti wabak taun (*cholera epidemic*) dan cacar (*smallpox epidemic*) (McArthur, 1987: 109).

Secara umum penduduk Brunei pada zaman tradisi terbahagi kepada dua golongan utama iaitu Melayu Brunei dan bukan Melayu Brunei. Kebanyakan penduduk Melayu Brunei menetap di kawasan pentadbiran kerajaan pusat atau bandar Brunei berdekatan Teluk Brunei yang dikenali pada masa ini sebagai Kampong Ayer. Golongan ini terbahagi kepada empat peringkat. Pertama, golongan atas yang terdiri daripada Raja-raja Bataras (*core nobility*); kedua, golongan menengah atas yang terdiri daripada Pengiran-pengiran (*nobility*); ketiga, golongan menengah bawah yang terdiri daripada Pehin-pehin *Manteri*, *Manteri-manteri* Pedalaman, Datu dan Datuk; dan keempat, golongan bawah yang terdiri daripada rakyat dan penduduk yang berbangsa Melayu Brunei (Hashim, 2003: 75). Walaupun golongan atas dan menengah merupakan golongan minoriti, tetapi mereka dominan dalam kuasa politik, ekonomi dan sosial Brunei seperti yang dijelaskan sebelum ini. Sementara itu, golongan bawah pula menjalankan aktiviti perdagangan (*pengalu* dan *padian*), menangkap ikan dan beberapa perusahaan kecil-kecilan.

Lazimnya golongan atas dan menengah di atas memiliki hamba yang dikenali juga sebagai *ulun* oleh masyarakat Melayu Brunei. Dalam struktur sosial tradisi Brunei, *ulun* merupakan golongan yang paling rendah dari segi status sosialnya. Namun demikian, sistem *ulun* atau hamba dalam masyarakat Melayu Brunei adalah tidak sama

dengan sistem perhambaan di tempat lain. Golongan *ulun* biasanya secara sukarela memperhambakan dirinya kepada golongan atas dan menengah demi meneruskan kehidupan mereka yang berada dalam keadaan yang susah dan miskin. *Ulun* akan menetap di rumah majikan mereka untuk membantu dalam kerja-kerja harian di rumah tersebut. *Ulun* perempuan akan melakukan kerja-kerja ringan seperti membersihkan halaman rumah, membasuh pakaian, mengambil air bersih dan sebagainya. Manakala *ulun* lelaki melakukan kerja-kerja yang lebih berat seperti mengambil kayu api di hutan, membeli barang-barang keperluan harian, membaiki sebarang kerosakan rumah dan sebagainya. Semua pekerjaan yang mereka lakukan tidak diberikan sebarang upah atau bayaran, tetapi mereka disediakan makanan dan pakaian secara percuma (Muhammin, 2002: 137-138).

Manakala penduduk bukan Melayu Brunei pula mendiami di kawasan-kawasan tanah jajahan. Terdapat banyak etnik bukan Melayu Brunei yang menjadi pengikut kepada Sultan, pemilik-pemilik tanah jajahan dan wakil-wakil mereka. Antaranya etnik Melayu Sarawak, Melanau, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Bisaya, Murut, Punan, Kedazandusun, Kedayan dan Cina mendiami kawasan tanah jajahan di sebelah pantai barat. Sementara itu, etnik Ilanun dan Bajau pula mendiami kawasan tanah jajahan pantai timur. Majoriti penduduk di kawasan pantai barat menetap di kawasan pedalaman yang menjadi pembekal utama sumber-sumber hutan, galian dan pertanian kepada pentadbiran kerajaan pusat. Manakala penduduk di pantai timur pula menetap di kawasan persisiran pantai yang lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti perikanan dan pertanian (Asbol, 2003: 90-116). Dengan kedudukan komposisi penduduk Brunei yang lebih banyak tertumpu di kawasan daratan atau pedalaman secara tidak langsung telah menyebabkan aktiviti-aktiviti perikanan kurang menyerlah dan kurang mendapat tempat dalam ekonomi Brunei berbanding dengan aktiviti-aktiviti daripada sumber-sumber

hutan, galian dan pertanian yang menjadi sumber utama kepada perdagangan eksport Brunei ketika itu.

2.5 Perusahaan Perikanan Semasa Zaman Pentadbiran Tradisi

Jika dibandingkan perusahaan perikanan dengan perusahaan-perusahaan lain pada zaman Pentadbiran Tradisi, didapati perusahaan tersebut bukanlah satu perusahaan yang utama atau penting dalam kegiatan ekonomi ketika itu. Perkara ini disebabkan dasar pentadbiran kerajaan pusat yang tidak memberi perhatian terhadap pembangunan perusahaan perikanan. Perusahaan perikanan ketika itu, hanya dibiarkan berkembang sendiri di bawah kendalian para nelayan dan wakil-wakil yang dilantik di tanah-tanah jajahan. Pentadbiran kerajaan pusat hanya memberi tumpuan terhadap soal-soal yang berkaitan dengan penguasaan terhadap penduduk di tanah-tanah jajahan melalui kutipan cukai.

Selain itu, bilangan penduduk yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang bersumber lautan adalah sedikit jika dibandingkan dengan yang terlibat dalam kegiatan ekonomi yang bersumberkan hutan dan pertanian. Perkara ini jelas apabila aktiviti-aktiviti ekonomi lautan lebih tertumpu di kawasan bandar Brunei (pentadbiran kerajaan pusat), kawasan pesisiran pantai timur (Sabah) dan sebahagian kawasan pantai barat (Sarawak) dari pusat pentadbiran.¹¹ Bagaimanapun, aktiviti ekonomi lautan di kawasan pesisiran pantai timur (Sabah) lebih terserlah daripada kawasan-kawasan lain.

Keadaan ini telah menyebabkan perusahaan perikanan pada zaman tradisi berada pada tahap yang rendah. Aktiviti penangkapan sumber perikanan terhad dilakukan di sungai dan perairan dekat pantai sahaja. Ini disebabkan para nelayan ketika itu hanya

¹¹ Masyarakat Melanau di Sarawak merupakan kumpulan nelayan yang mahir dalam aktiviti penangkapan ikan bawal yang banyak. Bahkan pada abad ke-19 sebahagian kawasan pesisiran pantai Sarawak dikatakan pengeluar penting ikan kering (Yasir, 1987: 47)

memiliki perahu-perahu kecil yang diperbuat daripada bahan-bahan yang dapat diperoleh dari kawasan sekitar tempat tinggal seperti yang telah dijelaskan sebelum ini (Matzin, 2005: 25-44; Lim, 1986: 112-118). Alat utama untuk menggerakkan perahu-perahu tersebut ke kawasan menangkap sumber perikanan hanyalah *pengayuh* (dayung) atau kayak. Perahu termaju yang lebih pantas ketika itu hanyalah perahu layar (*sailing craft*) kecil yang kain layarnya diperbuat daripada lebihan-lebih atau sisa-sisa pakaian yang berwarna-warni. Terdapat dua jenis layar yang digunakan iaitu *layar turun* dan *layar tambang* (lihat Gambar 2.1 dan Gambar 2.2). *Layar turun* lebih besar daripada *layar tambang*, ia boleh digunakan oleh tiga hingga empat orang berbanding dengan *layar tambang* yang hanya boleh digunakan oleh dua orang sahaja. Walau bagaimanapun *layar tambang* lebih banyak digunakan oleh para nelayan kerana layarnya berbentuk segitiga yang boleh bergerak mengikut tiupan angin dari pelbagai arah kecuali dari arah depan. Berbeza dengan *layar turun* yang hanya boleh bergerak mengikut tiupan angin dari arah belakang sahaja (Matzin, 2005: 25; Lim, 1986: 112).

Manakala teknologi penangkapan ikan dan sumber laut yang digunakan, secara relatifnya adalah pada tahap yang rendah dan mudah dikendalikan. Di samping itu, teknologi yang digunakan ketika itu dikendalikan sepenuhnya oleh tenaga manusia. Oleh itu, tenaga manusia yang banyak pada zaman Pentadbiran Tradisi sangat memainkan peranan penting dalam pengeksploitasi sumber perikanan. Peralatan menangkap ikan yang digunakan diperbuat daripada bahan-bahan yang didapati di kawasan persekitaran sahaja. Antara bahan-bahan yang paling banyak dimanfaatkan ialah buluh, akar *lamiding*, ranting pokok, kayu, dan sisa-sisa barang terpakai seperti besi-besi buruk. Misalnya daripada buluh mereka terlebih dahulu akan menghasilkan *bilah*, kemudian *bilah* ini akan dijalin dengan akar *lamiding* untuk menghasilkan *balat*. Dari *balat* inilah mereka dapat menghasilkan alat-alat menangkap ikan seperti *tambak* dan *kelong*. Selain itu, terdapat



Gambar 2.1: Layar Tambang

Sumber: Matzin, 2005: 25.



Gambar 2.2: Layar Turun

Sumber: Matzin, 2005: 25.

juga bahan-bahan import dari luar negara iaitu benang untuk membuat teknologi penangkapan ikan seperti *rambat* dan *tugu*.

Perkara menarik yang berkaitan dengan peralatan menangkap ikan ini ialah setiap sebuah kampung yang menjalankan aktiviti menangkap ikan memiliki kepakaran masing-masing dalam penghasilan dan penggunaan alat-alat menangkap ikan. Misalnya, Kampong Pabalat adalah kampung yang mahir menggunakan alat-alat yang diperbuat daripada buluh (*balat*), Kampong Perambat mahir dalam menggunakan alat *rambat* dan begitulah seterusnya (St. John, 1974b: 252-253; Treacher, 1889: 52). Ini menunjukkan pada ketika itu seolah-olah ada satu pembahagian kemahiran yang berdasarkan kepada penggunaan alat-alat tertentu dalam kalangan penduduk Kampong Ayer di Brunei khususnya. Selain itu pembuatan dan penggunaan peralatan menangkap ikan juga bergantung kepada taraf sosioekonomi kampung berkenaan. Contohnya, majoriti penduduk yang menetap di Kampong Perambat adalah golongan Pengiran yang ketika itu menguasai ekonomi Brunei. Oleh itu, kebanyakan penduduk kampung ini menggunakan *rambat* yang pembuatannya memerlukan kos yang lebih tinggi khususnya untuk membeli benang, jika dibandingkan dengan pembuatan peralatan dari buluh yang boleh diperoleh dari persekitaran (Pg Khairul Rijal, 2007: 37-38).

Walaupun perusahaan perikanan berada pada tahap yang rendah pada ketika itu, namun perusahaan ini bukan sahaja dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan tetapi hasil perikanan dari kawasan tanah jajahan di sebelah pantai timur (Sabah) dapat dieksport ke pasaran antarabangsa. Disebabkan ketiadaan kemudahan untuk mengekalkan kesegaran sumber perikanan serta permintaan lebih banyak datang daripada kawasan pedalaman, pengeluaran hasil perikanan lebih tertumpu kepada penghasilan sumber perikanan yang telah diproses sama ada yang dikering atau dimasinkan. Oleh itu,

garam yang menjadi bahan utama dalam pemprosesan hasil perikanan merupakan bahan terpenting dalam perusahaan perikanan ketika itu. Kepentingan garam ini telah menyebabkan ia menjadi salah satu kawalan yang dikenakan cukai oleh pentadbiran kerajaan pusat (Earl, 1971: 318). Penjelasan lanjut mengenai pemasaran hasil perikanan akan dibincangkan pada bahagian lain dalam bab ini.

2.6 Kaedah dan Teknologi Penangkapan Ikan Semasa Zaman Pentadbiran Tradisi

Secara umum, kaedah dan pembuatan teknologi penangkapan ikan yang digunakan pada zaman Pentadbiran Tradisi dipengaruhi oleh ciri-ciri sumber laut yang hendak didaratkan. Selain itu, ia juga dipengaruhi oleh keperluan dan motif sesuatu aktiviti perikanan yang dijalankan sama ada untuk kegunaan harian, keperluan pasaran tempatan atau pasaran antarabangsa. Kaedah dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, kaedah penangkapan sumber perikanan dengan menggunakan tangan. Penangkapan dengan tangan merupakan kaedah termudah dan terawal digunakan di Brunei. Kedua, teknologi yang mudah dan dibuat secara individu seperti kail, *tampuling* dan *sangkap*. Ketiga, teknologi yang lebih kompleks dan memerlukan tenaga yang ramai untuk membuatnya seperti kelong, *selambau* dan *tugu*. Teknologi yang mudah terbatas penggunaannya di kawasan-kawasan berhampiran seperti tebing-tebing sungai dan perairan dekat pantai. Manakala teknologi yang kompleks pula boleh digunakan di kawasan-kawasan perairan yang lebih dalam dan lebih jauh sedikit dari pantai.

Kaedah menangkap sumber perikanan dengan menggunakan tangan dilakukan di kawasan gigi pantai, kawasan perairan cetek, kawasan pantai berbatu dan kawasan yang mempunyai takungan air. Ketika air pasang ikan dan akuatik lain seperti siput, kerang, udang, kepah, lokan, kupang, remis, ambar dan rumpai laut akan di bawa

arus ke kawasan gigi pantai dan bertumpu di celah-celah batu dan di kawasan lekukan. Apabila air surut ikan dan hidupan akuatik tersebut akan terperangkap di dalam celah batu dan lekukan tersebut. Ikan dan hidupan yang terperangkap tersebut akan dipungut oleh para nelayan dengan menggunakan tangan. Di samping itu, mereka juga menggunakan kayu untuk memukul ikan-ikan yang besar. Aktiviti memungut ikan dan hidupan akuatik ini dijalankan sama ada secara perseorangan atau berkumpulan. Hasil yang diperoleh dengan kaedah ini adalah sedikit yang hanya boleh menampung keperluan makanan harian sahaja (Mohammad Raduan, 2006: 28-29). Di samping itu, pada musim kemarau penangkapan ikan dengan tangan juga dilakukan dengan bantuan akar tuba¹² yang digelar sebagai menuba ikan. Aktiviti menuba ikan dilakukan secara berkumpulan ketika air surut. Akar-akar tuba yang telah dipukul akan dibuang ke air yang menyebabkan ikan-ikan yang berada di sekeliling tempat menuba akan mabuk atau mati. Ikan-ikan yang mabuk dan mati akan dikutip dengan tangan atau *siut* (Horsburgh, 1858: 40; Hornaday, 1885: 384-387; St. John, 1974b: 277; Treacher, 1889: 54; Roth, 1980: 458; Lamat, 1981: 49-53).

Walaupun kaedah dengan menggunakan tangan merupakan kaedah termudah, akan tetapi ia merupakan kaedah terpenting untuk memungut tripang, mutiara dan kulit penyu. Pada zaman Pentadbiran Tradisi, ketiga-tiga komoditi ini merupakan sumber laut yang mendapat permintaan tinggi dalam kalangan orang berada di Benua China (Mohammad Raduan, 2006: 25). Dengan ini menunjukkan bahawa aktiviti pendaratan tripang, mutiara dan kulit penyu ketika itu dipengaruhi oleh usaha untuk memenuhi keperluan pasaran antarabangsa. Di samping itu, ia juga memperlihatkan bahawa kaedah yang menggunakan tenaga manusia sepenuhnya juga dapat menembusi pasaran antarabangsa. Umumnya aktiviti pemungutan tripang, mutiara dan kulit penyu dilakukan

¹² Akar tuba mempunyai berbagai-bagai jenis, antaranya tuba rabut, tuba akar, tuba sateng dan tuba tipas.

oleh etnik Bajau yang menetap di kawasan pesisiran pantai di tanah-tanah jajahan sebelah pantai timur (Sabah). Mereka memungut tripang di kawasan perairan cetek dan menyelam di kawasan batu karang di perairan yang agak dalam untuk mendapatkan mutiara. Mutiara didapati daripada tiram yang dikenali sebagai *tepai*, *selisip* dan *beloong* (Mohammad Raduan, 2006: 26 & 30). Manakala kulit penyu pula diambil ketika penyu mendarat ke tepi pantai untuk bertelur. Musim penyu-penyu mendarat ke pantai hanya sekali dalam setahun iaitu dari bulan September hingga bulan Disember. Kerja-kerja pengambilan kulit penyu dijalankan ketika bulan terang pada waktu malam¹³ (Hirth and Rockhill, 1967: 238; Wheatley, 1959: 81-83). Setelah ketiga-tiga komoditi ini diproses dan dikeringkan, akan dihantar ke bandar Brunei (pentadbiran kerajaan pusat) untuk dieksport ke Benua China (Pg Karim, 2007: 126). Ini menunjukkan bahawa bekalan sumber laut untuk dieksport ke pasaran antarabangsa pada zaman Pentadbiran Tradisi diperoleh dari kawasan tanah-tanah jajahan di sebelah pantai timur (Sabah).

Selain daripada kaedah mendaratkan sumber perikanan dengan tangan, para nelayan juga mendaratkan sumber perikanan dengan kaedah merejam. Kaedah ini dilakukan dengan menggunakan alat menangkap ikan *tampuling* dan *sangkap*. *Tampuling* digunakan di kawasan perairan yang mempunyai kedalaman antara 10 hingga 15 meter. Manakala *sangkap* pula digunakan di kawasan perairan cetek seperti di tepi pantai atau di tebing sungai. Kedua-dua alat ini mempunyai dua komponen penting iaitu *tataran* (batang) dan mata yang tajam. *Tataran tampuling* diperbuat daripada buluh temiang yang panjangnya lebih kurang satu setengah meter. Sementara itu, komponen mata diperbuat daripada tembaga atau besi yang dileperkan. Bahagian hujungnya terdapat satu mata tajam dan *beriwit* ke dalam. Pada bahagian belakang mata *tampuling*

¹³ Menurut catatan James Brooke, bahawa pada awal abad ke-19, Raja Muda Hashim telah mengarahkan pengikutnya untuk mengutip telur penyu di Pulau Talang-Talang. Mereka berjaya mengutip telur penyu lebih kurang 5,000 hingga 6,000 biji sehari. Ini menunjukkan bahawa selain kulit penyu, masyarakat Brunei juga memanfaat telur penyu sama ada untuk di makan atau diperdagangkan (Keppel, 1846: 20).

pula terdapat *ulu* tempat memasukkan *tataran*. Berdekatan dengan *ulu* ini terdapat satu lubang untuk mengikat tali yang digunakan untuk menarik ikan (lihat Gambar 2.3).

Manakala *tataran sangkap* pula diperbuat daripada buluh sepanjang lebih kurang satu setengah meter. Komponen matanya diperbuat daripada tulang besi pengimpal yang tidak mudah bengkok dan tahan karat. Terdapat tiga jenis *sangkap* yang sering digunakan iaitu *sangkap sisir*, *sangkap susuk* dan *sangkap dundang*. Perbezaan antara ketiga-tiga alat ini hanyalah dari segi reka bentuk matanya. *Sangkap sisir* mempunyai tiga mata sederet, *sangkap susuk* berbentuk tiga persegi yang runcing dan leper, dan *sangkap dundang* juga berbentuk tiga persegi tetapi hanya leper pada satu bahagian sahaja.

Tampuling digunakan untuk menangkap ikan-ikan besar seperti jerung (*Galeorhidae*), bemasa (*cranx ignobilis*), merah (*lutjanidae/ lutjanus spp.*), kerapu (*serranidae/ epinaephelus spp.*) dan putih (*cavallas jacks*). Pada waktunya, alat ini menjadi alat terpenting bagi menangkap ikan jerung untuk mengambil siripnya yang mempunyai permintaan di pasaran antarabangsa. Aktiviti menangkap ikan jerung atau ikan-ikan besar yang lain dimulakan dengan mencampakkan umpan daripada ikan-ikan kecil yang telah mati atau keratan-keratan ikan untuk menarik perhatian ikan. Apabila ikan menghampiri umpan, nelayan akan merejamkan *tampuling*. Setelah mata *tampuling* terkena dan melekat pada badan ikan, *tataran tampuling* akan ditarik naik semula. Manakala mata *tampuling* yang telah diikat dengan tali dibiarkan bersama ikan yang terkena. Apabila ikan tersebut telah keletihan dan lemah barulah ditarik naik mata *tampuling* bersama ikan tersebut (Alimin, 1979: 9; Nayan, 2013: 92-93). Sama seperti tripang, mutiara dan kulit penyu, sirip ikan jerung yang telah diproses dan dikeringkan akan dihantar ke bandar Brunei (pentadbiran kerajaan pusat) untuk dieksport. Ini



Gambar 2.3: Tampuling

Sumber: Nayan, 2013: 92.

menunjukkan bahawa penggunaan *tampuling* bukan sahaja untuk tujuan makanan harian dan keperluan pasaran tempatan, akan tetapi ia juga untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa.

Sementara itu, *sangkap* pula merupakan alat utama dalam operasi menangkap ikan yang digelar menyuluuh. Aktiviti menyuluuh dilakukan pada waktu malam ketika tidak ada cahaya bulan. Semasa aktiviti ini dijalankan, lampu karbaid akan dinyalakan bagi mengumpam dan menarik perhatian ikan. Apabila ada ikan yang timbul menuju lampu karbaid, nelayan akan menebak ikan tersebut dengan *sangkap*. Ikan yang tersangkut pada mata *sangkap*, dilucutkan lalu disimpan ke dalam bakul. Hasil tangkapan daripada alat ini ialah ikan-ikan *tangat* (*mugiligeae*), *andapong* (*liga vaigienis*), udang galah (*macrobrachium rosenbergii*) dan ketam (Anderson, Headdly and Tubb, 1952: 6; Roth, 1980: 462; Alimin, 1979: 8; Nayan, 2013: 78-79). Walau bagaimanapun, hasil tangkapan daripada alat ini hanya untuk keperluan harian nelayan atau untuk memenuhi pasaran tempatan sahaja.

Selain daripada dua teknologi yang dijelaskan di atas, para nelayan juga menggunakan beberapa jenis teknologi lain dalam aktiviti menangkap ikan dan sumber-sumber laut yang lain. Kail, bubu dan *rambat* merupakan teknologi penangkapan ikan yang digunakan secara meluas oleh penduduk tempatan terutama di kawasan pentadbiran kerajaan pusat. Kail merupakan alat yang paling mudah dibuat dan boleh digunakan di banyak tempat seperti di tebing sungai, tepi pantai atau pantaran rumah. Alat ini mempunyai lima komponen iaitu mata kail, tali, joran, pemberat dan pelampung. Disebabkan belum ada mata kail yang dijual ketika itu, mata kail biasanya dibuat sendiri oleh penggunanya daripada potongan dawai keluli yang dibengkokkan dan ditajamkan hujungnya. Sementara itu, hujungnya yang satu lagi dibengkokkan menjadi bulat sebagai


tempat tali berpaut. Ukuran mata kail adalah berdasarkan kepada jenis ikan yang hendak ditangkap, tetapi kebiasaannya hanya menggunakan mata yang bersaiz kecil. Tali yang digunakan ialah benang yang telah disapu dengan getah *butuh tunjang*¹⁴ supaya ia menjadi keras. Pelepas *sungsum*,¹⁵ anak buluh sebesar jari manis atau anak pokok *rantap* pula dijadikan sebagai jorannya. Pemberatnya pula daripada anak batu atau timah yang diikat 15 hingga 20 sentimeter dari mata kail. Manakala pelampungnya dibuat daripada empulur pelapah *sungsum* atau rumbia kerana bahan ini ringan dan kalis air. Udang (*Penaeus sp.*) dan cacing tanah adalah umpan yang sering digunakan dalam penggunaan alat ini. Spesies ikan yang didaraskan terdiri daripada sembilang (*plotosidae*), kapas-kapas (*gerres filamentosus*) dan usus (*sillaginidae*) (Anderson et al, 1952: 4; Nayan, 2013: 19-22).

Manakala bubu pula merupakan alat menangkap ikan yang digunakan di kawasan perairan yang mempunyai batu karang atau tempat-tempat yang selalunya ikan berlindung dan membiak seperti *raba*.¹⁶ Bahan binaan yang diperlukan untuk membuat bubu terdiri daripada temiang, kayu *uduk-uduk* (*melastoma malabathricum*), rotan, buluh dan tali. Bubu yang dibuat pada zaman itu berbentuk separuh silinder (lihat Rajah 2.4). Operasi menangkap ikan dengan menggunakan bubu boleh dilakukan dengan dua kaedah. Pertama, bubu dilabuh dengan menggunakan pelampung yang diikat dengan tali penarik bubu sebagai tanda. Kedua, beberapa bubu dilabuh secara berderet-deret tanpa menggunakan pelampung. Tali pengikat bubu akan diikat dari satu bubu dengan bubu yang lain. Kaedah kedua lebih sukar jika dibandingkan dengan cara pertama, kerana lokasi bubu yang dilabuhkan hanya berpandukan empat penjuru arah sama ada dengan menggunakan bukit atau pokok untuk dijadikan penanda. Pada kebiasaannya, operasi

¹⁴ Sejenis pokok yang terdapat di tebing sungai.

¹⁵ Sejenis palma berduri yang tumbuh dalam hutan.

¹⁶ *Raba* ialah sejenis alat yang dibuat daripada penggalan kayu atau daun nipah atau daun kelapa yang diikat dengan batu yang dibuang ke dalam air untuk ikan berlindung dan membiak.



Rajah 2.4: Bubu

Sumber: Asri, 1996: 65.

mendaratkan hasil tangkapan dijalankan selepas seminggu ia dilabuh. Jika bubu dilabuh dengan menggunakan pelampung, nelayan menaikkan bubu dengan menarik tali pengikat bubu yang terikat pada pelampung. Akan tetapi bubu yang dilabuh secara berderet-deret dinaikkan dengan menggunakan *perait* bubu. Nelayan akan menggunakan *perait* bubu untuk *merait* tali pengikat bubu yang terikat antara satu bubu dengan bubu yang lain. Ikan-ikan yang diperoleh dari alat ini terdiri daripada ikan merah (*lutjanidae/lutjanus spp*), putih (*cavallas jacks*), *anduping* (*lethrinus miniatus*), *ungah* (*lutjanus sp.*), *bakara* (*panulirus ornatus*) dan lain-lain (Anderson et al, 1952: 8; Roth, 1980: 463; Asri, 1996: 63-69; Judin, 2008: Temu bual).

Rambat pula merupakan salah satu teknologi penangkapan ikan yang terawal yang menggunakan bahan keluaran kilang, iaitu benang yang diimport dari China. Berbagai-bagai jenis *rambat* yang digunakan ketika itu, antaranya *rambat* udang (*penaeus sp.*), *rambat nanggalah* (*macrobrachium rosenbergii*), dan *rambat* kitang (*scatophagidae*). Reka bentuk alat ini seperti tudung saji yang kuncup (kecil) pada bahagian atas dan semakin membesar pada bahagian bawah. Alat ini digunakan di kawasan-kawasan berperairan cetek seperti di tepi pantai, di tebing sungai, atau digunakan dari atas perahu atau *bidar*. Penggunaan alat ini memerlukan teknik dan kebolehan untuk menebarkannya dengan sempurna ke air. Sebelum menebarkan jaring *rambat* ke air, terlebih dahulu dililit hujung tali *penurut* ke lengan penebar *rambat*. Setelah itu, barulah jaring *rambat* ditebarkan ke air. Bahagian bawah *rambat* akan mengembang bulat dan tenggelam memerangkap udang atau ikan. Kemudian, tali *penurut* akan ditarik naik ke atas perlahan-perlahan yang menyebabkan jaring *rambat* mengucup. Udang dan ikan akan terperangkap pada jaring *rambat*. Setelah semua bahagian *rambat* dinaikkan barulah hasil tangkapan dikeluarkan. Hasil tangkapan yang didaratkan terdiri daripada udang (*penaeus sp.*) *nanggalah* (*macrobrachium rosenbergii*),

tamban (*spratelloides spp.*), balanak (*engraulis spp.*) dan kitang (*scatophagidae*) (Horsburgh, 1858: 39-40; St. John, 1974b: 253; Treacher, 1889: 53-54; Anderson et al, 1952: 11; Roth, 1980: 456-457; Alimin, 1979: 8; Nayan, 2013: 51-54; Mohammad Raduan, 1993: 12; Jabatan Perikanan Brunei, 1990: 4-5; Pg Md Yassin, 2008: Temu bual).

Walaupun kail, bubu dan *rambat* meluas penggunaannya ketika itu, namun kebanyakan hasil tangkapan didararkan daripada ketiga-tiga alat tersebut hanyalah untuk keperluan harian para nelayan sahaja. Jika ada lebihan hasil yang didararkan akan dikering, dimasin, disalai atau *diliking* (dijeruk) untuk dijadikan stok makanan, terutama ketika musim tengkujuh.

Dalam usaha untuk mendapatkan keperluan harian, para nelayan juga menggunakan teknologi penangkapan ikan *rigis*. Alat ini merupakan salah satu alat menangkap ikan yang unik kerana ikan atau udang dengan sendiri melompat masuk ke dalam perahu. Keunikan ini disebabkan reka bentuk *rigis* yang mempunyai empat komponen penting iaitu buluh berbentuk sikat, *pantaran*, dinding dan perahu atau *jumpung* (lihat Gambar 2.4). Alat ini biasanya digunakan pada waktu malam di kawasan air sederhana cetek. Operasi dimulakan dengan memasang buluh berbentuk sikat di tepi perahu dengan kedudukan kira-kira 45° condong ke depan. Apabila perahu atau *jumpung* dikayuh buluh berbentuk sikat akan *menyisir* dasar sungai yang menyebabkan ikan atau udang terkejut lalu melompat ke atas *pantaran* dan masuk ke dalam perahu. Ikan atau udang tersebut tidak akan dapat keluar lagi kerana dilindungi oleh dinding dari kajang. Pada kebiasaan seorang atau dua orang sahaja yang menjalankan operasi *merigis*, iaitu seorang di *caruk* perahu untuk menggegar ikan dan seorang lagi di buritan perahu mendayung serta mengawal buluh berbentuk sikat (St. John, 1974b: 276-277; Treacher,



Gambar 2.4: Rigit

Sumber: Jabatan Muzium Brunei, 1988: 101.


1889: 54; Roth, 1980: 457; Hussin, 1989: 44-46; Alimin, 1979: 9; Nayan, 2013: 66-67).

Hasil tangkapan dari alat ini tidak banyak jika dibandingkan dengan kail, bubu dan *rambat*. Keadaan ini telah menyebabkan ia kurang digunakan ketika itu.

Manakala teknologi penangkapan ikan kelong dan *selambau* merupakan teknologi yang paling efisien ketika itu. Walaupun kedua-dua alat ini merupakan alat yang statik namun ia boleh mendaratkan hasil tangkapan dalam jumlah yang banyak berbanding teknologi-teknologi penangkapan ikan yang lain. Kelong digunakan di perairan dasar pasir di tengah laut atau sungai pada kedalaman lebih kurang dua hingga lima meter. Alat ini diperbuat daripada bahan-bahan yang didapati daripada kawasan persekitaran seperti buluh, akar dan batang kayu. Terdapat dua jenis kelong yang digunakan ketika itu, iaitu kelong laut dan kelong *kaloya* (lihat Rajah 2.5 dan Rajah 2.6). Aktiviti menangkap ikan dengan alat ini sangat bergantung pada arus air yang pengutipan hasil tangkapan ini dilakukan ketika perairan dalam keadaan yang cetek (Whitehead, 1893: 30; St. John, 1974b: 252-253; Treacher, 1889: 53; Anderson et al, 1952: 7; Roth, 1980: 457; Asri, 1997: 32-55; Hussin, 1989: 34-40).


Antara spesies ikan yang diperoleh daripada kelong ialah ikan-ikan merah (*lutjanidae/lutjanus spp*), putih (*cavallas jacks*) dan sembilang (*plotosidae*). Selain itu, ikan-ikan yang diperoleh juga mengikut musim. Jika musim *rumahan* (*rastrelliger brachysoma/rastrelliger kanagurta*), *rumahan* lah yang paling banyak diperoleh.

Berbeza dengan kelong, *selambau* digunakan di kawasan gigi pantai atau tepi sungai yang cetek. Alat ini mempunyai dua komponen penting, iaitu dua buah *peranti* (pelantar) dan sebidang jaring berukuran 15 meter persegi (lihat Gambar 2.5). Bahan binaan untuk membuat komponen *peranti* diperoleh daripada kawasan persekitaran.




Rajah 2.5: Kelong Laut

Sumber: Asri, 1997: 34.



Rajah 2.6: Kelong Kaloya

Sumber: Asri, 1997: 35.



Gambar 2.5: Selambau


Sumber: Jabatan Muzium Brunei, 1988: 105.

Manakala komponen jaring pula diperbuat daripada benang. Operasi menangkap ikan dengan *selambau* dilakukan pada waktu air mula surut atau air mula naik pasang. Tiga orang nelayan diperlukan dalam pengendalian alat ini. Dua orang berada di atas *peranti* yang bertugas untuk menurun dan menaikkan jaring dan seorang lagi berada di perahu, untuk mengutip ikan yang terperangkap dijaring. Ketika air mula surut atau mula naik pasang, jaring *selambau* akan diturunkan ke dasar air. Dua orang nelayan yang berada di atas *peranti* akan menunggu dan memerhatikan kehadiran ikan ke kawasan jaring *selambau*. Apabila ikan-ikan telah memasuki kawasan jaring dan menuju ke bahagian tengah jaring, kedua-dua nelayan akan menarik tali penarik secara serentak. Setelah ditarik, jaring *selambau* akan terangkat ke atas permukaan air dan ikan-ikan yang berada di dalam jaring tersebut akan terperangkap. Kemudian nelayan yang berada di atas perahu akan mengutip ikan-ikan yang terperangkap dengan menggunakan *siut* (Horsburgh, 1858: 40; Treacher, 1889: 42 & 52; Roth, 1980: 459-460; Alimin, 1979: 7; Nayan, 2013: 73-770. Antara spesies ikan yang diperoleh melalui *selambau* ini ialah *kembura* (mugilidae), *bantang* (upeneus sulphureus), alu-alu (*sphyraena sp.*) *kalakitok* (*caranx spp*), sembilang (*plotosidae*) dan kitang (*scatophagidae*).

Hasil tangkapan yang didaratkan dengan menggunakan kedua-dua teknologi ini lebih tertumpu untuk membekalkan sumber protein kepada golongan pemerintah, keluarga dan hamba atau *ulun* mereka. Di samping itu, hasil tangkapan yang diperoleh juga akan diproses sama ada dikering, dimasin, disalai atau *diliiking* (dijeruk) untuk memenuhi pasaran tempatan atau menjadi bahan pertukaran dengan keperluan makanan yang bersumberkan pertanian seperti beras, buah-buahan dan sayur-sayuran daripada penduduk di kawasan pedalaman (Rusli, 1981: 21-24).

Selain daripada ikan kering dan ikan masin, para nelayan juga menghasilkan udang kering. Alat utama yang digunakan untuk menangkap udang dalam jumlah yang banyak ketika itu ialah *tugu*. Alat ini digunakan di kawasan perairan yang mempunyai arus yang kuat supaya udang akan terus dibawa arus masuk ke permukaan *tugu*. Sama seperti *selambau*, alat ini juga mempunyai dua komponen penting. Pertama, jaring yang berbentuk segi empat bujur pada bahagian permukaan dan menirus perlahan-lahan hingga ke bahagian *candik* (keroncong). Kedua, *raban* (pelantar) yang berbentuk seperti titian monyet (lihat Rajah 2.7). Operasi menangkap udang dengan alat ini memerlukan antara empat hingga enam orang nelayan. Operasi dimulakan dengan melabuhkan jaring *tugu* menghadap arus air. Setelah kira-kira satu jam jaring *tugu* dilabuhkan, bahagian *candik* jaring akan dipunggah ke dalam perahu untuk mengeluarkan hasil tangkapan. Selain daripada udang (*Penaeus sp.*) sebagai tangkapan utama, berbagai-bagai jenis ikan, yang kecil dan besar juga diperoleh seperti pusu (*stolephorus spp.*), bantang (*upeneus spp.*) dan basong-basong (*decapterus maruadsi*) (Alimin, 1979: 8-9; Abd Wahid, 1981: 65-69).

Di samping itu, para nelayan juga menggunakan alat menangkap ikan *tambak* dan *sadak* yang digunakan untuk menangkap udang kecil yang dikenali sebagai *bubuk* (*mysidae sp.*). Alat ini digunakan di kawasan anak sungai atau tebing sungai. *Tambak* diperbuat daripada buluh kecil yang dijalin rapat kira-kira tujuh meter panjang dan satu meter lebar. Manakala *sadak* pula diperbuat daripada dua batang kayu yang diikat secara menyilang seperti huruf X. Pada bahagian hujung kayu dipasangkan kain kasa atau guni yang berbentuk kon. Operasi menangkap *bubuk* (*mysidae sp.*) dimulakan dengan melabuh *tambak* merentangi anak sungai. Bahagian tengah *tambak* akan diletakkan *sadak* yang berfungsi sebagai tempat pengumpulan *bubuk* (*mysidae sp.*). Apabila air cetek, *sadak* akan diangkat untuk mengeluarkan *bubuk* (*mysidae sp.*) yang tertangkap (Alimin, 1979: 5; Nayan, 2013: 68-69). *Bubuk* (*mysidae sp.*) yang ditangkap akan



Rajah 2.7: Tugu

Sumber: Bilik Pameran, Muzium Teknologi Melayu, Brunei.

diproses menjadi belacan. Walau bagaimanapun belacan yang dihasilkan hanya untuk keperluan makanan harian dan pasaran tempatan sahaja.

2.7 Pemasaran Hasil Perikanan Semasa Zaman Pentadbiran Tradisi

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini mengenai kaedah dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan pada zaman Pentadbiran Tradisi, menunjukkan bahawa selain daripada untuk memenuhi keperluan harian, hasil perikanan juga digunakan untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan pasaran antarabangsa. Walau bagaimanapun perbincangan mengenai pemasaran hasil perikanan pada zaman Pentadbiran Tradisi hanya ditumpukan kepada pola dan cara pemasaran hasil perikanan dilakukan. Ini kerana tiada sebarang data atau maklumat berhubung pendaratan sumber perikanan yang dapat menjelaskan pemasaran hasil perikanan ketika itu.

Permintaan pasaran tempatan datang daripada kawasan Kampong Ayer (bandar Brunei) dan kawasan pedalaman. Permintaan daripada kawasan Kampong Ayer disalurkan melalui aktiviti *padian* yang menjalankan perdagangan di kawasan tersebut. Hasil perikanan utama yang dipasarkan di kawasan ini adalah dalam bentuk segar. Walaupun ketika itu bekalan air batu belum diperoleh lagi, namun para *padian* mempunyai cara tersendiri untuk menambah ketahanan kesegaran hasil perikanan dengan merendam hasil perikanan dalam sebuah bekas yang berisi air yang ditukar kerap kali (Zainuddin, 1992: 44). Hasil perikanan yang telah diproses sama ada dalam bentuk kering, masin, salai atau *liking* (jeruk) hanya dipasarkan dalam kuantiti yang sedikit sahaja.

Manakala permintaan daripada kawasan pedalaman pula disalurkan melalui aktiviti *pengalu* yang menjalankan perdagangan di kawasan pesisiran pantai atau sungai-

sungai dan kawasan pedalaman. Disebabkan jarak perjalanan ke kawasan pedalaman memakan masa berhari-hari, maka hasil perikanan dalam bentuk segar tidak dapat dibekalkan. Oleh itu, hasil perikanan yang hanya dapat dipasarkan di kawasan pedalaman adalah hasil perikanan yang telah diproses. Di samping itu, hasil perikanan yang telah diproses juga sangat digemari oleh para penduduk di kawasan pedalaman (Rusli, 1981: 23). Hasil perikanan yang diproses tersebut akan ditukarkan dengan hasil pertanian seperti beras, buah-buahan dan sayur-sayuran. Kadar pertukaran tersebut adalah mengikut kebiasaan dan kerelaan hati sahaja seperti segantang beras boleh ditukar dengan tiga kat ikan kering atau ikan masin atau dua kat ikan salai atau 15 bungkus ikan *liking* (jeruk) (Zainuddin, 1992: 46). Ini menunjukkan bahawa aktiviti *pengalu* dan *padian* secara tidak langsung telah membantu para nelayan untuk memasarkan hasil tangkapan mereka kepada penduduk Kampong Ayer dan penduduk pedalaman.

Seperti yang dijelas sebelum ini, tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung merupakan komoditi yang dapat dieksport ke pasaran antarabangsa terutama ke Benua China. Komoditi-komoditi eksport yang bersumberkan laut ini dibekalkan atau diperoleh daripada para nelayan yang berada di tanah-tanah jajahan sebelah pantai timur (Sabah). Setelah komoditi-komoditi ini diproses sama ada dikering atau dimasinkan akan diserahkan kepada pemilik tanah jajahan yang seterusnya menjual kepada pedagang-pedagang di pelabuhan Brunei untuk dieksport. Dengan ini memperlihatkan kewujudan hubungan pengeluar-pembekal-pengeksport antara golongan nelayan selaku pengeluar hasil perikanan, pemilik tanah selaku pembekal dan golongan pedagang selaku pengeksport hasil perikanan.

Namun demikian, dasar pentadbiran yang tidak memberi perhatian kepada perkembangan perusahaan perikanan telah menyebabkan pemasaran eksport hasil

perikanan tidak menjadi komoditi eksport utama ketika itu. Pemasaran eksport semakin merosot lagi apabila Kesultanan Sulu berjaya mememonopoli pengeluaran dan perdagangan sumber laut yang mendapat permintaan di pasaran antarabangsa pada abad ke-18 dan ke-19. Tongkang-tongkang dari China yang sebelum ini mendapatkan sumber laut daripada pelabuhan Brunei telah berpindah ke pelabuhan Jolo di bawah penguasaan Kesultanan Sulu.¹⁷ Perkara ini bertambah jelas lagi apabila nilai eksport yang dicatatkan oleh konsul kerajaan British menunjukkan bahawa nilai eksport komoditi sirip ikan jerung, kulit penyu dan tripang pada tahun 1864 hanya berjumlah \$1,133.25 sahaja. Pada tahun 1882, hanya komoditi kulit penyu yang bernilai \$50.00 sahaja berjaya dieksport (lihat Jadual 2.1).

2.8 Kesimpulan

Sebelum era kemodenan yang dibawa oleh dasar imperialisme barat, sistem Pentadbiran Tradisi yang dilaksanakan melalui pentadbiran pusat dan pentadbiran tanah jajahan telah dapat meningkatkan sumber ekonomi khususnya melalui aktiviti perdagangan, penguasaan penduduk dan pungutan cukai dari tanah-tanah jajahan. Namun demikian, pihak pentadbiran lebih memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi daripada sumber-sumber hutan, galian, pertanian dan pembuatan. Kegiatan ekonomi yang berteraskan sumber laut termasuk perusahaan perikanan kurang diberi perhatian oleh pihak pemerintah. Aktiviti perikanan hanya dibiarkan berkembang sendiri di bawah kendalian para nelayan dan wakil-wakil yang dilantik. Keadaan ini telah memberi kesan kepada perkembangan aktiviti perikanan yang hanya berada pada tahap yang rendah sahaja.

Aktiviti penangkapan sumber perikanan ketika itu hanya menggunakan perahu-perahu kecil dan sederhana tanpa enjin yang diperbuat daripada bahan-bahan yang

¹⁷ Lebih lanjut tentang penguasaan kesultanan Sulu terhadap pengeluran dan perdagangan sumber laut, lihat Mohammad Raduan Mohd Arif, 2006: 1 - 69.

diperoleh dari kawasan persekitaran dan hanya terhad digunakan di sungai dan perairan dekat pantai sahaja. Manakala kaedah dan teknologi penangkapan ikan yang digunakan secara relatifnya berada pada tahap yang rendah dan sangat bergantung kepada tenaga manusia untuk mengendalikannya. Penggunaan kaedah dan pembuatan teknologi penangkapan ikan sangat dipengaruhi oleh ciri-ciri sumber laut yang hendak didaratkan dan motif sesuatu aktiviti perikanan yang dijalankan sama ada untuk kegunaan harian, keperluan pasaran tempatan atau pasaran antarabangsa. Rata-rata peralatan perikanan yang digunakan bersifat statik dan diperbuat daripada bahan-bahan yang boleh didapati dengan mudah dan percuma dari kawasan persekitaran.

Walaupun aktiviti perikanan berada pada tahap yang rendah tetapi ia dapat menghasilkan pendaratan sumber perikanan dalam kuantiti yang banyak. Hasil pendaratan daripada aktiviti perikanan bukan hanya dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan tetapi juga dapat memenuhi permintaan pasaran antarabangsa. Permintaan pasaran tempatan ketika itu datang daripada kawasan Kampong Ayer (pusat pemerintahan) dan kawasan pedalaman. Permintaan daripada kawasan Kampong Ayer sebahagian besarnya adalah sumber perikanan dalam bentuk segar yang dipasarkan melalui aktiviti *padian*.

Manakala tripang, mutiara, kulit penyu dan sirip ikan jerung yang telah dikeringkan merupakan hasil perikanan yang mendapat permintaan tinggi dalam pasaran antarabangsa terutama dari Benua China. Hasil perikanan untuk pasaran antarabangsa ini diperoleh daripada para nelayan yang berada di sebelah pantai timur (Sabah). Hasil perikanan yang telah dikeringkan tersebut akan diserahkan kepada pemilik tanah jajahan di pusat pentadbiran yang bertanggungjawab dalam pengeksportan ke pasaran antarabangsa.

Kejayaan hasil perikanan menembusi pasaran luar bandar (pedalaman) dan antarabangsa secara langsung memperlihatkan perkembangan pesat aktiviti pemprosesan berasaskan hasil perikanan pada waktu itu, terutama dalam pemprosesan hasil tangkapan kepada bentuk kering, masin, salai atau *liking* (jeruk). Ini menunjukkan bahawa pada waktu itu, walaupun aktiviti perikanan berada pada tahap yang rendah, namun aktiviti pemprosesannya berkembang seiring dengan aktiviti pendaratan sumber perikanan sehingga Brunei tidak perlu bergantung kepada sumber perikanan yang diimport dari luar negeri. Bagaimanapun, perkembangan aktiviti perikanan menembusi pasaran antarabangsa hanya diperoleh daripada nelayan-nelayan di tanah jajahan di pantai timur (Sabah). Oleh itu, para nelayan di kawasan pentadbiran pusat (kedudukan Brunei pada masa kini) hanya menghasilkan pengeluaran sumber perikanan untuk pasaran tempatan sahaja. Kedudukan dan keupayaan para nelayan di kawasan pentadbiran pusat yang hanya memberi tumpuan kepada pasaran tempatan ketika itu dapat memberi gambaran tentang situasi sektor perikanan pada masa ini.

Penumpuan terhadap pasaran tempatan oleh nelayan di kawasan pentadbiran pusat telah terbukti memberi kesan negatif kepada perdagangan eksport sumber perikanan pada zaman Petadbiran Tradisi. Perdagangan eksport sumber perikanan telah terjejas dan mengalami kelumpuhan apabila pada pertengahan abad ke-19 penguasaan Brunei terhadap tanah-tanah jajahan mula terancam dan menghadapai zaman kelumpuhan. Secara beransur-ansur tanah-tanah jajahan Brunei di sebelah pantai barat telah diserah atau dipajakkan kepada regim Brooke dan tanah-tanah jajahan di sebelah pantai timur kepada BNBCC. Kehilangan tanah jajahan ini telah menyebabkan Brunei kehilangan sumber tenaga manusia dan sumber ekonomi yang menjadi tulang belakang Brunei ketika itu. Keadaan ini juga telah menjaskan pemasaran eksport hasil perikanan yang hanya diperoleh dari tanah jajahan di sebelah pantai timur. Pemasaran eksport ini semakin

merosot lagi apabila Kesultanan Sulu berjaya mememonopoli pengeluaran dan perdagangan sumber laut yang mendapat permintaan di pasaran antarabangsa pada abad ke-18 dan ke-19. Tongkang-tongkang dari China yang sebelum ini mendapatkan sumber laut daripada pelabuhan Brunei telah berpindah ke pelabuhan Jolo di bawah penguasaan Kesultanan Sulu. Di samping itu, situasi ini telah membuka ruang kepada golongan Cina untuk melibatkan diri dan menguasai dalam aktiviti perdagangan perikanan.

Menjelang abad ke-20 Brunei telah menjadi sebuah negara muflis. Kemuflisan Brunei telah memaksa ramai penduduk untuk berhijrah ke kawasan tanah jajahan regim Brooke dan BNBCC yang menawarkan banyak peluang pekerjaan. Selain itu, penghijrahan ini juga disebabkan kehidupan mereka yang sangat miskin. Pada waktu itu, tiada sebarang pekerjaan yang boleh dikerjakan kecuali menangkap ikan. Oleh itu, walaupun aktiviti perikanan pada zaman tradisi berada pada tahap rendah dan tidak diberi perhatian oleh pihak pemerintah, namun ia merupakan satu-satunya sumber ekonomi yang penting dalam survival kehidupan penduduk Brunei semasa mengalami zaman kelumpuhan.

Ini menunjukkan bahawa sistem pentadbiran yang dilaksanakan yang memainkan peranan utama dalam perkembangan ekonomi dan penguasaan terhadap penduduk pada zaman Pentadbiran Tradisi merupakan faktor utama yang mempengaruhi terhadap kemerosotan perkembangan aktiviti perikanan pada waktu itu.